# Terma-Terma & Syarat-Syarat Umum Bagi Akaun

- Deposit
- Deposit Perbankan Islam

**BAHAGIAN A – AM [Untuk Semua Akaun melainkan akaun tertentu (contohnya akaun-akaun perbankan Islam) terma-terma yang sebaliknya digunapakai]**

**1. Takrif & Tafsiran**

1.1. Takrif

Dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, istilah dan ungkapan berikut akan membawa makna yang ditetapkan padanya melainkan konteks mengkehendaki sebaliknya:

"ABM" bermakna Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Malaysia.

"Akaun" bermakna akaun Pelanggan dengan HLB / HLISB dan termasuk apa-apa akaun baru lain yang mungkin dibuka dari semasa ke semasa.

"AIBIM" bermakna Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia.

"BLR" bermakna kadar faedah setahun yang dinyatakan oleh HLB sebagai Kadar Pinjaman Asasnya dan akan tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu.

"BNM" bermakna Bank Negara Malaysia.

"Hari Perniagaan" bermakna hari HLB / HLISB dibuka untuk urus niaga di Malaysia Barat dan Malaysia Timur (tidak termasuk cuti bank, negeri dan umum), mengikut mana-mana yang berkenaan, dan apabila jenis urus niaga tertakluk kepada Akaun tersebut mungkin dijalankan.

"cek" termasuk bil pertukaran.

"Pelanggan" bermakna pelanggan HLB / HLISB dan termasuk individu, rakan kongsi, pemilikan tunggal, syarikat, persatuan, pertubuhan, organisasi dan badan berkanun dan jika berkenaan wakil peribadi dan pengganti hak milik melainkan ditentukan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini atau oleh HLB / HLISB dari semasa ke semasa.

"Kadar Mungkir" bermakna kadar 1% setahun melebihi Kadar Ditetapkan atau apa-apa kadar lain seperti yang mungkin ditentukan oleh HLB mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu.

"Kadar Lebihan" bermakna kadar 4% setahun melebihi BLR berdasarkan kiraan atas baki harian atau apa-apa kadar lain seperti yang mungkin ditentukan oleh HLB mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu.

"Pengesahan cap jari" bermakna pengesahan cap jari dengan data yang disimpan dalam MyKad / MyPR cip melalui pembaca MyKad atau lain-lain alat yang digunakan oleh HLB / HLISB.

"Deposit Tetap" bermakna sebarang deposit tetap yang dimasukkan ke dalam HLB oleh Pelanggan dan termasuk apa-apa jumlah lain yang dari semasa ke semasa disimpan dengan HLB di manamana cawangan dan sama ada menggunakan mata wang yang sama


*Sebagai tanda sokongan kami terhadap melestarikan alam sekitar, dokumen ini dicetak menggunakan 100% kertas kitar semula*

atau apa-apa mata wang lain dan sama ada sebagai tambahan kepada atau sebagai pembaharuan bagi apa-apa jumlah yang disimpan sebelum ini atau sebaliknya dan termasuk semua faedah atau pembayaran lain yang terakru dan bertambah dan walau apa pun terbitan berhubung dengan deposit dari semasa ke semasa.

"Akaun Pelaburan Am" bermakna pelaburan yang dilakukan oleh Pelanggan dengan HLISB untuk tempoh tertentu pelaburan yang mematuhi kaedah pelaburan yang diluluskan syariah dan merangkumi mana-mana jumlah wang yang dari masa ke masa disimpan dengan HLISB di mana-mana cawangan dan sama ada dalam mata wang tersebut atau mana-mana mata wang lain dan sama ada untuk menambah atau membaharui mana-mana wang yang disimpan sebelum ini atau selainnya dan termasuk semua keuntungan, dividen dan apa-apa pembayaran lain yang terakru dan mengakru atau yang dikeluarkan dalam apa jua cara dari masa ke masa berhubung dengan penyimpanan. Tawaran Akaun Pelaburan Am-i ini telah ditamatkan bagi penempatan baharu berkuat kuasa 1 Januari 2013.

"HLB" bermakna Hong Leong Bank Berhad dan termasuk cawangan, pengganti hak milik dan penerima serah haknya.

"HLISB" bermakna Hong Leong Islamic Bank Berhad dan termasuk cawangan, pengganti hak milik dan penerima serah haknya.

"Saya / Aku atau mana-mana pemegang akaun" hendaklah termasuk seorang Wasi / Pentadbir.

"Tarikh Matang" jika tarikh matang adalah pada hari Ahad, cuti umum atau pada hari yang Bank tidak berurus niaga, tarikh matang akan dianggap jatuh pada tarikh keesokan hari urus niaga Bank.

"Mudarabah" bermakna kontrak perkongsian untung antara Pelanggan sebagai pemberi modal dengan HLISB sebagai usahawan berdasarkan perkongsian untung, manakala Pelanggan hendaklah meletakkan sejumlah wang tertentu dengan HLISB bagi jangkamasa yang tertentu, dan HLISB diamanahkan untuk menggunakan modal tersebut bagi usaha niaga tanpa campur tangan daripada Pelanggan untuk menghasilkan pendapatan yang akan diagihkan menurut nisbah perkongsian untung. Sebarang kerugian akibat dari pelaburan akan ditanggung oleh pemberi modal melainkan terbukti kerugian adalah disebabkan kecuaian oleh pihak HLISB.

"Kadar Ditetapkan" bermakna kadar 1% setahun melebihi BLR berdasarkan kiraan atas baki harian atau apa-apa kadar lain seperti yang mungkin ditentukan oleh HLB mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, kadar yang dinyatakan oleh HLB dalam surat tawaran (jika berkenaan).

"Dasar Privasi" bermakna dasar dan prinsip HLB / HLISB yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan entiti yang bakal berurusan dengan HLB / HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan yang boleh didapati di laman sesawang HLB / HLISB masing-masing atau dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai dari semasa ke semasa.

"Nisbah Perkongsian Untung" bermakna nisbah perkongsian untung yang ditetapkan terlebih dahulu untuk dikongsi antara Pelanggan sebagai pemberi modal dengan HLISB sebagai usahawan.

"cagaran" atau "dokumen cagaran" bermakna apa-apa cagaran yang diambil atau diperlukan oleh HLB / HLISB berhubung dengan Akaun dan termasuk apa-apa cagaran lain yang diambil dari semasa ke semasa.

"pihak cagaran" bermakna mana-mana orang yang menyediakan cagaran untuk apa-apa Akaun atau kemudahan yang disediakan untuk Pelanggan pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa.

"Konsep" bermakna Kontrak Syariah yang digunakan oleh HLISB untuk akaun-akaun Islamik di bawah Hong Leong Islamic Bank

"Tanazul" bermakna pelepasan hak keatas keuntungan oleh pemberi modal pada permulaan kontrak atas sesetengah peristiwa.

"Terma-terma dan Syarat-syarat" bermakna terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam risalah ini dan termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh HLB / HLISB dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu dan akan digunapakai ke atas semua akaun melainkan akaun tertentu (contohnya akaun-akaun perbankan HLISB) terma-terma yang sebaliknya digunapakai.

"Tawarruq" atau juga dikenali sebagai "Murabahah (melalui penyusunan Tawarruq)" merujuk kepada penyusunan yang terdiri daripada pelbagai transaksi jualan dan pembelian. Dalam produk ini, Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Pembelian daripada pembekal dan selepas itu, menjual Komoditi tersebut kepada HLISB pada Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang akan dibayar kepada Pelanggan pada akhir Tempoh (selepas mengambil kira sebarang rebat, jika ada). HLISB selepas itu menjual Komoditi kepada pihak ketiga secara tunai.

1.2 Tafsiran

(a) Perkataan yang menunjukkan jantina maskulin merangkumi jantina feminin serta neuter dan sebaliknya. Perkataan yang menunjukkan mufrad merangkumi jamak dan sebaliknya. [Nota: Takrif ini tidak terpakai untuk versi bahasa Melayu ini].

(b) Jika Pelanggan terdiri daripada dua orang atau lebih, obligasi dan tanggungan setiap orang adalah bersama dan berasingan.

**2. Pembukaan Akaun**

2.1 Akaun dibuka menggunakan borang yang ditetapkan oleh HLB / HLISB dan tertakluk kepada syarat HLB / HLISB, termasuk syarat bagi umur, deposit minimum, rujukan dan dokumen sokongan yang diterima oleh HLB / HLISB. HLB / HLISB boleh menukar syarat tersebut pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu.

2.2 HLB / HLISB berhak menolak apa-apa permohonan untuk membuka apa-apa Akaun tanpa perlu memberikan alasan bagi tindakan tersebut. Membuka, menggunakan dan menutup Akaun adalah sepenuhnya mengikut budi bicara mutlak HLB / HLISB.

2.3 Pertukaran Butir Peribadi

Butiran terkini pelanggan adalah penting bagi penyampaian komunikasi tentang operasi akaun dan mana-mana aktiviti pemasaran yang berkaitan. Pelanggan hendaklah menghubungi Jabatan berkenaan di HLB / HLISB dengan segera tentang apa-apa pertukaran alamat, nombor telefon, penandatangan yang diberi kuasa atau butiran lain dengan samada secara lisan atau notis bertulis dan samada ia diberikan / dikomunikasikan melalui telefon, pos, tangan, kurier, telex, kabel, mesin faksimili ataupun lain-lain media elektronik, sekiranya gagal, HLB / HLISB berhak untuk bergantung kepada butiran-butiran terakhir yang diketahui. Untuk akaun bersama, HLB / HLISB akan hanya menerima arahan tersebut sekiranya kaedah operasi akaun tersebut adalah samada salah seorang sebagai penandatangan.

2.4 Pelanggan hendaklah mengisytiharkan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada HLB / HLISB adalah lengkap, benar dan betul dan memberikan kuasa dan mengizinkan HLB / HLISB untuk memperolehi mana-mana maklumat yang lain termasuk daripada mana-mana sumber tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS, CTOS atau mana-mana agensi rujukan kredit, Pihak Berkuasa Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa dan dalam apa jua tujuan dan pada bila-bila masa sebagaimana yang diperlukan oleh HLB / HLISB.

## 3. Arahan dan Notis

3.1 HLB / HLISB berhak untuk bergantung kepada dan bertindak atas arahan dari pelanggan, sama ada secara lisan atau bertulis dan diberi / dikomunikasikan melalui telefon, pos, serahan tangan, pos laju, teleks, kabel, transmisi faksimili atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain. Tanpa prejudis kepada yang tersebut, HLB / HLISB berhak bergantung kepada dan bertindak terhadap apa-apa notis atau arahan yang diberikan, samaada berdasarkan penentusahan identiti dengan pengesahan cap jari melalui pembaca MyKad atau lain-lain alat yang digunakan oleh HLB / HLISB atau tandatangan yang diberikan kepada HLB / HLISB, melalui rujukan kepada nama dan tandatangan orang yang difailkan dengan HLB / HLISB, adalah tandatangan:

(i) Pelanggan - Pelanggan; atau

(ii) Penandatangan yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk memberi apa-apa notis atau arahan bagi pihak Pelanggan atau sebaliknya, tanpa HLB / HLISB menyoal akan identiti orang yang memberi atau mendakwa memberi notis atau arahan tersebut atau ketulenan notis atau arahan, walaupun kemudiannya ianya tidak diberikan oleh Pelanggan. HLB / HLISB berhak menganggap notis atau arahan yang diberi mengikat Pelanggan dan HLB / HLISB berhak (tetapi tidak terikat) untuk mengambil langkah-langkah berkaitan atau bergantung kepada komunikasi tersebut dan sebarang risiko disebabkan oleh arahan orang yang tidak diberi kuasa, apa-apa salah faham atau kesilapan, kerugian atau kelewatan yang disebabkan oleh penggunaan telefon, pos, pos laju, teleks atau mesin teletaip, kabel, transmisi faksimili, alatan atau elektronik atau apa-apa komunikasi lain atau penghantaran secara peribadi, adalah atas risiko Pelanggan sepenuhnya.

3.2 HLB / HLISB adalah tidak berkewajipan untuk menentukan kesahihan komunikasi yang diberikan / dikomunikasikan kepada HLB / HLISB melalui apa-apa cara atau identiti orang yang mengkomunikasikan dan hak HLB / HLISB tidak akan dipengaruhi oleh penyalahgunaan atau penggunaan komunikasi tanpa kebenaran. HLB / HLISB akan ditanggung rugi oleh Pelanggan terhadap semua kerugian, tuntutan, permintaan, kos, kerosakan, perbelanjaan dan apa-apa liabiliti yang mungkin dialami kerana menerima dan bertindak atas komunikasi tersebut.

3.3 Apa-apa notis daripada Pelanggan kepada HLB / HLISB (dialamatkan ke cawangan yang digunakan untuk pembukaan akaun), jika dihantar melalui pos atau pos laju atau ditinggalkan di cawangan, adalah tidak dianggap sebagai diterima oleh HLB / HLISB kecuali dan jika diperakui penerimaannya secara bertulis oleh HLB / HLISB.

## 4. Perubahan Dalam Arahan / Pelanggan / Pertikaian

(a) Sekiranya terdapat sebarang penukaran dalam arahan, arahan bertentangan yang diterima oleh HLB / HLISB berkenaan sebarang akaun, iaitu HLB / HLISB dengan niat yang baik meragui kesahihan kuasa pelanggannya; ATAU

(b) sekiranya terdapat perubahan di dalam kandungan pemegang akaun sama ada disebabkan oleh kematian, perletakan jawatan, ketidakmampuan membayar hutang atau ketidakupayaan atau sebaliknya; ATAU

(c) sekiranya HLB / HLISB berpendapat terdapat bukti pertikaian berkaitan mana-mana akaun, HLB / HLISB, boleh tetapi tidak terikat untuk mematuhi sebarang arahan yang diterima dan boleh:

(i) membekukan satu atau kesemua akaun pelanggan sehingga HLB / HLISB menerima arahan bertulis dari kesemua pemegang akaun / rakan kongsi / pengarah dalam hal akaun individu / perkongsian / syarikat atau dalam sebarang keadaan, dari pihak / pihak-pihak yang pada pendapat HLB / HLISB mempunyai kuasa untuk memberikan arahan ke atas akaun ATAU
(ii) bertindak menutup akaun tersebut seperti yang termaktub dalam Fasal 16.

**5. Penyimpanan dan Pengeluaran**

5.1 Pelanggan boleh membuat penyimpanan dan pengeluaran (tertakluk kepada syarat HLB / HLISB bagi penyimpanan dan pengeluaran minimum) dengan melengkapkan borang yang ditetapkan dan menyediakan dokumen yang dikehendaki oleh HLB / HLISB.

5.2 Semua cek dan instrumen kewangan lain boleh diterima untuk kutipan tetapi hasilnya tidak akan dikreditkan / digunakan sehingga HLB / HLISB menerima pembayaran bagi perkara tersebut. Cek dan instrumen kewangan lain yang disimpan ke dalam Akaun mungkin tidak, melainkan melalui persetujuan khas, dikeluarkan sehingga hasil diterima oleh HLB / HLISB.

5.3 HLB / HLISB mempunyai hak untuk tidak menerima kutipan cek dan instrumen kewangan lain yang pada pendapat HLB / HLISB tidak menurut aturan dalam apa jua cara atau tidak mematuhi keperluan Syariah (untuk Akaun di bawah HLISB) atau mungkin telah diubah dalam apa jua cara tanpa mengambil kira bahawa perubahan itu mungkin telah ditandatangan balas oleh penyuruh bayar.

5.4 HLB / HLISB berhak untuk mendebit Akaun dengan nilai cek yang dibeli / didiskaun sebelum ini untuk atau dikreditkan kepada Pelanggan jika cek tersebut cek tak layan.

5.5 Cek yang diterima untuk kutipan tetapi ditolak boleh dikembalikan kepada Pelanggan atas risiko dan perbelanjaan Pelanggan itu sendiri.

5.6 HLB / HLISB mempunyai hak untuk membayar Pelanggan apa-apa jumlah yang dikeluarkan melalui mana-mana satu atau gabungan daripada (a) pembayaran tunai; (b) cek jurubank yang dikeluarkan untuk Pelanggan; dan / atau (c) borang wang kiriman lain.

**6. Dana yang Mencukupi**

Pelanggan hendaklah memastikan bahawa terdapat dana bersih yang mencukupi di dalam Akaun untuk melaksanakan apa-apa urus niaga yang diarahkan oleh Pelanggan (termasuk pada masa cek dikeluarkan), melainkan Pelanggan membuat perjanjian dengan HLB / HLISB terlebih dahulu dan dipersetujui secara bertulis oleh HLB / HLISB.

**7. Faedah / Keuntungan**

Faedah pada kadar tersebut seperti yang mungkin ditetapkan oleh HLB (keuntungan pada kadar tersebut seperti yang mungkin ditetapkan oleh HLISB) dari semasa ke semasa akan dibayar ke atas Akaun tersebut menurut amalan lazim HLB / HLISB (jika berkenaan).

**8. Akaun Bersama**

8.1 Atas permintaan Pelanggan, HLB / HLISB boleh mengikut budi bicara mutlaknya membenarkan akaun individu diubah kepada akaun bersama atau membenarkan pemegang akaun tambahan dimasukkan ke dalam senarai pemegang akaun bersama sedia ada. Semua wang yang masih belum dikreditkan ke dalam akaun individu, akan menjadi harta bersama bagi pemegang akaun bersama apabila perubahan dibuat dan HLB / HLISB tidak akan terikat untuk mengiktiraf sebaliknya sama ada HLB / HLISB mengetahui tentang perkara tersebut atau tidak. Semua obligasi dan tanggungan pemegang akaun individu yang timbul daripada atau berhubung dengan pemegang akaun individu sama ada yang timbul sebelum, semasa atau selepas perubahan tersebut, akan ditanggung oleh setiap pemegang akaun bersama secara bersama dan berasingan. Peruntukan ini juga

akan diterima pakai jika pemegang akaun tambahan dimasukkan ke dalam senarai pemegang akaun bersama sedia ada.

8.2 Akaun bersama mestilah dibuka oleh semua Pelanggan. Jika HLB / HLISB diarahkan dan diberi kuasa untuk bertindak menurut arahan mana-mana salah seorang Pelanggan, Akaun boleh dikendalikan dan / atau ditutup oleh salah seorang Pelanggan. Jika HLB / HLISB diberi kuasa untuk bertindak menurut arahan kedua-dua atau semua Pelanggan, Akaun hanya boleh dikendalikan dan / atau ditutup oleh kedua-dua atau semua Pelanggan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

8.3 HLB / HLISB mempunyai hak untuk menolak cek atau instrumen kewangan yang perlu dibayar kepada salah seorang pemegang akaun bersama yang akan dibayar ke dalam akaun bersama. Jika HLB / HLISB menerima cek atau instrumen kewangan tersebut yang perlu dibayar kepada salah seorang pemegang akaun bersama, pemegang akaun bersama tersebut akan dan dengan ini menanggung rugi HLB / HLISB bagi apa-apa kerugian yang dialami atau ditanggung oleh HLB / HLISB kerana menerima cek atau instrumen kewangan tersebut.

8.4 Sekiranya salah seorang Pelanggan meninggal dunia, HLB / HLISB dibenarkan untuk menerima kuasa daripada pelanggan yang masih hidup atau salah seorang daripada mereka (jika lebih daripada seorang) (yang akan bertindak sebagai pemegang amanah bagi Akaun di bawah HLISB) dan membayar pelanggan yang masih hidup / pemegang amanah dalam keutamaan mengatasi Wasi dan Pentadbir atau pihak penuntut (selain HLB / HLISB) mana-mana baki kredit dalam Akaun bersama dan apa jua jenis harta yang dipegang atas nama Pelanggan tertakluk kepada apa-apa hak HLB / HLISB.

**9. Akaun Perkongsian**

Sekiranya terdapat kematian, persaraan, perletakan jawatan atau kebankrapan salah seorang rakan kongsi, HLB / HLISB boleh tetapi tidak terikat untuk membenarkan akaun ini terus dikendalikan seolah tidak ada perubahan pada perkongsian. Di dalam keadaan ini, jika HLB / HLISB dibawah budi bicaranya membenarkan akaun ini terus dikendalikan, rakan kongsi yang tinggal akan bertanggungjawab terhadap sebarang jumlah belum jelas yang sedia ada dan terakru.

**10. Akaun Amanah**

Pelanggan mestilah berhak dari segi undang-undang dan ekuiti dan / atau keperluan Syariah untuk menggunakan sepenuhnya dan menutup apa-apa Akaun tanpa sekatan. Pelanggan akan menanggung rugi dan melindungi HLB / HLISB daripada apa-apa kerugian, kerosakan dan kos yang ditanggung oleh HLB / HLISB bagi semua wang yang dibayar menurut arahan Pelanggan.

**11. Akaun Dorman**

11.1 HLB / HLISB boleh menganggap Akaun sebagai dorman jika tidak ada urus niaga dilakukan oleh Pelanggan bagi tempoh tertentu atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh HLB / HLISB mengikut budi bicara mutlaknya.

11.1.1 Akaun Semasa (kecuali dan melainkan Akaun Semasa asas) akan dianggap dorman sekiranya tidak ada urus niaga dilakukan untuk tempoh 6 bulan berterusan ataupun tempoh lain yang ditetapkan oleh HLB / HLISB atas budi bicara mutlaknya. Bagi Akaun Semasa asas, maka Akaun Semasa asas akan dianggap dorman sekiranya tidak ada urus niaga dilakukan untuk tempoh 12 bulan berterusan atau tempoh lain yang ditetapkan oleh HLB / HLISB atas budi bicara mutlaknya.

11.1.2 Akaun Simpanan akan dianggap dorman sekiranya tidak ada urus niaga dilakukan untuk tempoh 12 bulan berterusan ataupun tempoh lain yang ditetapkan oleh HLB / HLISB atas budi bicara mutlaknya.

11.1.3 Setelah akaun dianggap dorman, Pelanggan boleh memilih untuk mengaktifkan semula akaun tersebut atau menutup akaun tersebut sebelum wang dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

11.2 HLB / HLISB mempunyai hak mengenakan bayaran terhadap Akaun dorman mengikut budi bicara mutlaknya.

11.3 Semua akaun adalah tertakluk di bawah Akta Wang Tak Dituntut.

**12. Hak Tolakan dan Penyatuan**

12.1 Tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain yang HLB / HLISB mungkin ada, HLB / HLISB boleh, tanpa memberikan notis kepada Pelanggan, menggabungkan dan menyatukan apa-apa atau semua Akaun Pelanggan dalam HLB / HLISB (sama ada dalam bentuk semasa, deposit, pinjaman / pembiayaan, beberapa atau akaun bersama) terhadap tanggungan Pelanggan dengan HLB / HLISB serta menolak dan memindahkan apa-apa jumlah yang masih belum dikreditkan ke dalam apa-apa Akaun tersebut untuk menjelaskan apa-apa tanggungan Pelanggan kepada HLB / HLISB di bawah mana-mana Akaun, perjanjian atau kontrak, sama ada tanggungan tersebut ialah utama, sampingan, bersama atau berasingan atau dalam apa-apa mata wang lain.

12.2 Jika baki kredit dalam mana-mana Akaun tersebut atau apa-apa pembayaran dibuat atau wang diterima bukan dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang yang dipersetujui bersama, HLB / HLISB berhak untuk menukar mata wang tersebut dan untuk tujuan ini, nilai Ringgit Malaysia yang sama akan ditentukan oleh HLB / HLISB mengikut budi bicara mutlaknya pada kadar tukaran mata wang lain yang lazim pada masa itu.

12.3 Kepentingan HLB / HLISB dengan ini tidak akan terjejas oleh kebankrapan, ketidaksiuman atau kematian pemegang akaun.

**13. Tidak ada Tolakan atau Tuntutan balas oleh Pelanggan**

Sehingga semua wang yang terhutang dibayar atau dijelaskan sepenuhnya, Pelanggan tidak akan, dengan membayar apa-apa jumlah yang dapat diperoleh semula oleh HLB / HLISB atau melalui apa-apa cara lain atau atas apa-apa sebab lain, menuntut apa-apa tolakan atau menuntut balas terhadap HLB / HLISB berhubung dengan apa-apa tanggungan dari HLB / HLISB untuk Pelanggan atau mana-mana pihak lain. Pelanggan bersetuju bahawa tidak ada apa-apa dalam persetujuan antara HLB / HLISB dengan Pelanggan dan / atau mana-mana pihak lain akan dianggap sebagai menjadi perjanjian tersirat yang menyekat atau menidakkan apa-apa lien, bayaran, sandaran, hak tolakan atau hak lain yang HLB / HLISB ada atau tersirat di sisi undang-undang.

**14. Lien**

HLB / HLISB dibenarkan untuk melaksanakan lien ke atas apa-apa atau semua wang dan harta Pelanggan dan mana-mana pihak cagaran yang (bagi apa-apa jua sebab) dalam atau walau dalam apa-apa cara sekali pun menjadi milikan atau kawalan HLB / HLISB. HLB / HLISB boleh melupuskan atau menjual harta tersebut dan melaksanakan hasil jualan selepas pengurangan perbelanjaan untuk memenuhi apa-apa obligasi, keberhutangan dan tanggungan yang terhutang oleh Pelanggan kepada HLB / HLISB.

**15. Permohonan Pembayaran**

Walau apa pun peruntukan lain yang berlawanan yang terkandung dalam dokumen ini, HLB / HLISB berhak untuk memohon apa-apa pembayaran yang diterima daripada Pelanggan atau daripada mana-mana orang yang membuat pembayaran bagi pihak Pelanggan (tanpa mengambil kira sama ada tujuan pembayaran ditentukan atau tidak) mengikut keperluan secara keseluruhan atau sebahagian daripada apa-apa jumlah pokok, faedah / keuntungan(termasuk caj faedah / pampasan pembayaran lewat) atau jumlah wang lain

yang terhutang pada masa itu oleh Pelanggan kepada HLB / HLISB dalam apa cara sekali pun yang dianggap sesuai mengikut budi bicara HLB / HLISB.

**16. Penutupan Akaun**

16.1 HLB / HLISB boleh menutup mana-mana atau semua Akaun dengan memberikan notis bertulis kepada Pelanggan tanpa perlu memberi apa-apa sebab melakukannya. Keseluruhan tanggungan HLB / HLISB akan dilepaskan setelah menghantar atau mengepos hasil tersebut kepada Pelanggan pada alamat terakhir yang diberikan kepada HLB / HLISB, jika ada, yang masih belum dikreditkan ke dalam Akaun dalam bentuk cek jurubank atau apa-apa wang kiriman lain.

16.2 Setelah akaun ditutup sama ada oleh Pelanggan atau HLB / HLISB, semua cek belum guna yang dikeluarkan akan menjadi harta HLB / HLISB dan Pelanggan hendaklah dengan segera mengembalikannya kepada HLB / HLISB.

16.3 Tanpa menjejaskan Fasal 16.1 di atas, HLB / HLISB boleh menutup apa-apa Akaun menurut garis panduan Bank Negara Malaysia berkaitan dengan DCHEQS, kebankrapan, penutupan atau pembubaran.

16.4 Sekiranya wang termasuk apa-apa faedah / keuntungan terakru yang dikreditkan ke dalam Akaun diremit kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut menurut Akta Wang Tak Dituntut 1965 dan apa-apa pindaan berkanunnya, maka Akaun berkenaan akan ditutup.

16.5 HLB / HLISB mempunyai hak untuk mengenakan bayaran perkhidmatan sekiranya Akaun ditutup dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akaun dibuka atau tempoh lain seumpamanya seperti yang mungkin ditentukan oleh HLB / HLISB mengikut budi bicara mutlaknya dengan 21 hari notis pemberitahuan terlebih dahulu.

**17. Kos, Perbelanjaan dan Bayaran Lain**

17.1 Tertakluk kepada Fasal 12, HLB / HLISB berhak untuk mengenakan dan mengurangkan dari atau mendebit Akaun tentang perkara berikut:-

(a) bayaran perkhidmatan dan bayaran lain, termasuk bayaran biasa bank, komisyen, duti setem, terhadap semua urus niaga dan perkhidmatan yang disediakan pada kadar tersebut seperti yang mungkin diberitahu dari semasa ke semasa;

(b) fi guaman (atas rundingan peguam cara dan klien sendiri) yang dikenakan untuk mendapatkan semula wang yang terhutang kepada HLB / HLISB dan untuk kes melainkan akaun dibawah HLISB, Pelanggan hendaklah membayar faedah / caj ke atas jumlah yang didebitkan tersebut pada Kadar Mungkir atau Kadar Lebihan apabila tidak ada Kadar Mungkir (sebelum dan juga selepas tuntutan, penilaian atau arahan) pada tempoh atas baki tersebut seperti yang mungkin ditetapkan oleh HLB / HLISB dari tarikh jumlah tersebut dibayar atau digunakan atau terhutang sehingga tarikh penyelesaian; dan

(c) jika berkenaan, bayaran perkhidmatan ke atas Akaun dan apa-apa faedah / keuntungan ke atas baki kredit akan dikira berdasarkan kaedah ABM / AIBIM atau HLB / HLISB.

17.2 HLB / HLISB mempunyai hak mutlak untuk mengubah bayaran perkhidmatan, komisyen dan bayaran lain tersebut pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan 21 hari notis pemberitahuan terlebih dahulu.

17.3 Sekiranya HLB / HLISB perlu di sisi undang-undang menahan apa-apa jumlah, HLB / HLISB berhak untuk mengurangkan daripada apa-apa jumlah yang terhutang kepada Pelanggan apa-apa penahanan atau cukai atau bayaran lain yang perlu dibayar berhubung dengan apa-apa pendapatan atau faedah / keuntungan ke atas jumlah belum jelas dalam Akaun.

**18. Waktu dan / atau Hari Perniagaan**

Waktu dan / atau hari perniagaan HLB / HLISB boleh dilanjutkan, ditukar atau disemak dengan cara lain menurut keperluan perniagaan dan pengendaliannya dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu.

**19. Penepian**

Kegagalan atau kelewatan pihak HLB / HLISB untuk melaksanakan atau apa-apa pengabaian untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang bertambah terhadap HLB / HLISB di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak akan menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut atau dijadikan sebagai penepiannya atau persetujuan bagi kemungkiran tersebut, atau tidak ada apa-apa tindakan daripada HLB / HLISB berhubung dengan apa-apa kemungkiran atau apa-apa persetujuan bagi apa-apa kemungkiran tersebut menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi HLB / HLISB berhubung dengan apa-apa kemungkiran lain atau berikutnya.

**20. Tanggung Rugi**

20.1 Selain dan tanpa menjejaskan kuasa, hak dan remedi yang diberikan kepada HLB / HLISB menurut dokumen ini, dari segi undang-undang dan / atau ekuiti, Pelanggan hendaklah membebaskan HLB / HLISB dari sebarang tanggungan dan dengan ini menanggung rugi HLB / HLISB terhadap apa-apa kerugian, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan guaman atas rundingan peguam cara dan klien sendiri) yang mungkin dialami atau ditanggung oleh HLB / HLISB kerana Pelanggan gagal membayar apa-apa jumlah yang terhutang termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa faedah / pampasan / caj atau fi yang dibayar atau perlu dibayar disebabkan oleh atau berhubung dengan apa-apa dana yang digunakan, dipinjam / dibiayai atau disimpan daripada pihak ketiga untuk mengekalkan jumlah yang gagal dibayar atau untuk mencairkan atau menggunakan semula dana atau deposit tersebut atau apa-apa pelanggaran terhadap mana-mana Terma dan Syarat ini.

20.2 Pelanggan hendaklah menanggung rugi HLB / HLISB daripada apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh HLB / HLISB kerana memberi jaminan terhadap apa-apa endorsemen / pengesahan atau pelepasan apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Pelanggan untuk kutipan dan setiap jaminan tersebut yang diberikan oleh HLB / HLISB akan dianggap telah diberikan atas permintaan nyata Pelanggan dalam setiap hal.

20.3 Sekiranya Pelanggan dikehendaki untuk melaksanakan apa-apa tanggung rugi tambahan atas nama HLB / HLISB, tanggung rugi tersebut akan dilaksanakan oleh semua pemegang akaun jika Pelanggan lebih daripada satu orang.

**21. Had Tanggungan**

21.1 Tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan lain dalam dokumen ini, HLB / HLISB tidak akan sama sekali dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan dan / atau mana-mana pihak ketiga bagi apa-apa kerugian (sama ada secara langsung atau tidak langsung) keuntungan atau perniagaan atau nama baik atau walau apa pun atau dengan apa cara sekali pun apa-apa kerugian atau kerosakan secara tidak langsung atau turutan yang timbul walaupun HLB / HLISB dimaklumkan tentang kemungkinan berlaku kerugian atau kerosakan atau tuntutan tersebut oleh mana-mana pihak ketiga.

21.2 Tertakluk kepada peruntukan dalam dokumen ini, tanggungan mutlak dan keseluruhan HLB / HLISB kepada Pelanggan dalam kontrak, tort (termasuk kelalaian atau pelanggaran kewajipan statutori) atau selainnya yang timbul disebabkan oleh atau berkaitan dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau dengan apa cara sekali pun tidak boleh melebihi jumlah urus niaga yang terlibat yang menimbulkan tuntutan atau kerosakan langsung yang dialami, mengikut mana-mana yang lebih rendah.

21.3 Setiap peruntukan dalam Fasal 21 ini akan menjadi had berasingan yang digunakan dan terus berkuat kuasa walaupun, untuk apa-apa sebab, satu atau peruntukan lain tidak berkaitan atau didapati tidak munasabah dalam apa-apa keadaan dan akan terus berkuat kuasa tanpa mengambil kira penamatan Akaun atau perkhidmatan.

**22. Force Majeure**

Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung dalam dokumen ini, sekiranya HLB / HLISB tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh apa-apa sebab di luar kawalan HLB / HLISB, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak penyakit, bencana alam, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian industri, perbuatan musuh awam, sekatan, perang atau apa-apa faktor dalam bentuk force majeure atau apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, HLB / HLISB tidak akan sama sekali bertanggungan bagi apa-apa kesukaran, kerugian, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul akibat perkara tersebut.

**23. Kebolehasingan**

Jika apa-apa peruntukan, terma atau syarat dalam dokumen ini atau apa-apa dokumen cagaran yang diambil adalah atau menjadi tidak sah, terbatal, dilarang atau tidak boleh berkuat kuasa dalam apa jua hal, perkara yang sama tidak boleh berkuat kuasa setakat mana perkara tidak sah, terbatal, dilarang atau tidak boleh berkuat kuasa tersebut tetapi tidak membatalkan dalam apa jua cara sekali pun peruntukan lain dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau dokumen cagaran yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**24. Notis oleh HLB / HLISB**

24.1 Apa-apa pemberitahuan dari HLB / HLISB kepada pelanggan yang diberikan dalam mana-mana cara berikut:

(a) melalui pos biasa atau pos berdaftar atau pos laju atau serahan tangan yang dihantar kepada atau ditinggalkan di alamat terakhir diketahui yang berdaftar dengan HLB / HLISB bagi Pelanggan dan akan dianggap diterima oleh Pelanggan dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan selepas pengiriman jika dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar dan dalam tempoh dua(2) Hari Perniagaan selepas penghantaran jika dihantar melalui pos laju atau setelah diakui penerimaannya jika melalui serahan tangan; atau

(b) melalui notis am dalam satu akhbar utama atau dipos di premis cawangan HLB / HLISB atau pada skrin visual melalui komputer atau terminal visual atau di laman sesawang “www.hlb.com.my / www.hlisb.com.my”, dan notis akan dianggap telah dihantar atau berkuat kuasa dari tarikh notis tersebut disediakan atau tarikh yang dinyatakan dalam notis.

24.2 Sebarang perubahan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Syarat-syarat dan Terma-terma ini, ciri-ciri salah satu produk kewangan dan hak Pelanggan dan tanggungan Pelanggan akan disampaikan kepada Pelanggan melalui pelbagai bentuk notis yang disebut di dalam Fasal 24.1 di atas sebelum perubahan itu diperkenalkan.

**25. Fasal Pendedahan**

Selain daripada pendedahan yang dibenarkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 / Akta Perkhidmatan Kewangan Islam Malaysia 2013, Pelanggan membenarkan secara mutlak HLB / HLISB, pegawai dan pekerja mereka untuk mendedahkan dan memberi segala maklumat tentang Akauan-akaun, Syarat-syarat and Terma-terma ini, sekarang dan masa depan, akaun Pelanggan dan apa-apa perkara yang berhubungan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada:

(a) institusi kewangan lain yang memberikan atau yang bercadang untuk memberikan apa-apa kemudahan kredit / pembiayaan kepada Pelanggan, Biro Kredit Pusat atau

mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan yang diberikan kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau pihak berkuasa / agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh ABM / AIBIM;

(b) mana-mana syarikat semasa atau yang akan datang yang boleh dikaitkan dengan atau berkaitan dengan HLB / HLISB (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat2016), termasuk wakil dan pejabat cawangan dan wakil-wakil mereka masing-masing dan juga anak-anak syarikat induk HLB / HLISB ini;

(c) Pihak-Pihak pemberi cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan jaminan berkenaan dengan Kemudahan Pinjaman / Kemudahan Pembiayaan;

(d) juruaudit HLB / HLISB, peguam dan / atau ejen lain yang berkaitan dengan tuntutan wang yang terhutang dan kena dibayar di bawah ini; dan

(e) penasihat profesional HLB / HLISB, pembekal perkhidmatan, penerima namaan, ejen, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh HLB / HLISB dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutu dengannya.

Pelanggan dengan ini bersetuju secara mutlak dengan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa HLB / HLISB, pegawai dan pekerjanya tidaklah menanggung sebarang liabiliti untuk memberikan maklumat itu atau akibat daripada perggantungan maklumat yang diberikan mengikut Perjanjian ini.

**26. Representasi dan Waranti pada Pemprosesan Maklumat Peribadi**

Pelanggan dengan ini memberi representasi dan memberi waranti bahawa Pelanggan telah mendapat persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan pelanggan untuk Akaun atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada HLB / HLISB bagi menyokong permohonan itu dan / atau wakil yang diberi kuasa mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham , penandatangan yang diberi kuasa atau mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh HLB / HLISB (“ Subjek Data Relevan “), untuk koleksi HLB / HLISB, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada Subjek Data Relevan mengikut Dasar Privasi HLB / HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

**27. Persetujuan untuk Memproses Maklumat Peribadi**

Pelanggan dengan ini bersetuju dan persetujuan dengan pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada HLB / HLISB oleh Pelanggan atau yang diperoleh oleh HLB / HLISB dari domain awam, serta data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pelanggan berkaitan dengan Akaun mengikut Dasar Privasi HLB / HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

**28. Terma-terma dan Syarat-syarat**

28.1 Pengendalian dan penggunaan Akaun hendaklah berdasarkan Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan apa-apa terma-terma dan syarat-syarat lain yang mungkin ditetapkan oleh HLB / HLISB. Pelanggan tidak boleh mengubah atau meminda terma-terma ini dalam apa-apa jua bentuk atau cara walaupun HLB / HLISB mengetahui tentang perubahan atau pindaan tersebut.

28.2 HLB / HLISB mempunyai hak untuk menambah, mengubah, meminda atau menggugurkan apa-apa atau semua Terma dan Syarat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya dengan 21 hari notis pemberitahuan terlebih dahulu. Pembukaan dan penyelenggaraan berterusan Akaun oleh Pelanggan merupakan persetujuan oleh Pelanggan untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini (tertakluk kepada mematuhi keperluan Syariah).

28.3 Produk, Ciri atau perkhidmatan baru / tambahan - jika HLB / HLISB menawarkan produk, ciri atau perkhidmatan baru atau tambahan kepada Pelanggan, penerimaan Pelanggan dalam cara yang ditetapkan oleh HLB / HLISB dan penggunaan produk, ciri atau perkhidmatan baru atau tambahan tersebut akan dianggap diterima oleh Pelanggan berdasarkan Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan terma-terma dan syarat-syarat tambahan tersebut (jika ada) seperti yang mungkin ditetapkan oleh HLB / HLISB (tertakluk kepada mematuhi keperluan Syariah).

28.4 Jika berlaku sebarang percanggahan diantara Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan terma-terma dan syarat-syarat bagi sebarang perkhidmatan elektronik, telefon dan / atau perbankan internet yang disediakan oleh HLB / HLISB, terma-terma dan syarat-syarat bagi perkhidmatan elektronik, telefon dan / atau perbankan internet akan diterima pakai.

**29. Undang-undang dan Bidang Kuasa yang Terpakai**

Terma-terma dan syarat-syarat ini akan tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia tetapi dalam menguatkuasakan haknya, HLB / HLISB bebas untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau selainnya terhadap Pelanggan dan mana-mana pihak di Malaysia dan / atau di tempat lain seperti yang dianggap sesuai oleh HLB / HLISB dan Pelanggan bersetuju bahawa apabila apa-apa tindakan atau prosiding dimulakan dan diambil di Malaysia, ia hendaklah mematuhi bidang kuasa tak eksklusif Mahkamah Malaya dan Sabah dan Sarawak dalam semua hal yang berkaitan dengan obligasi dan tanggungannya di bawah atau yang timbul daripada Akaun dan Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

**30. Penggantian Terma-terma dan Syarat-syarat**

Terma-terma dan Syarat-syarat ini menggantikan semua kaedah dan peraturan dan atau terma-terma dan syarat-syarat sebelum ini yang mentadbir Akaun.

**31. Sekuriti dan Penafian**

Terma-terma dan syarat-syarat ini mengandungi keperluan / arahan kepada Pelanggan tentang sekuriti akaun mereka, rekod dan instrumen berkaitan dengan akaun. Jika sebarang terma / keperluan / arahan yang tertera di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak dipatuhi oleh Pelanggan, HLB / HLISB akan dilepaskan dari segala tanggungan yang berkenaan. Pelanggan memahami bahawa jika akses kepada akaun diberikan oleh Pelanggan kepada pihak lain / pelbagai pihak, Pelanggan akan menangani melalui keperluan perlindungan dalaman untuk melindungi dan memeriksa penyata akaun seperti yang tertera di dalam terma-terma dan syarat-syarat ini.

**32.** **Perhatian:** Sekiranya seseorang pelanggan gagal mematuhi sebarang terma yang tertera di dalam sebarang bahagian terma-terma dan syarat-syarat ini, HLB / HLISB akan dibebaskan dari semua tanggungan.

**33.** Pelanggan mesti mengetahui sebarang sekatan yang dikenakan oleh negara-negara / organisasi-organisasi jika mereka ingin menghantar dana kepadanya atau menerima dana daripadanya. Sekiranya mana-mana dana / dokumen-dokumen / urus niaga telah tertangguh / tersekat / tertahan yang disebabkan oleh sekatan tersebut, HLB / HLISB tidak akan bertanggungjawab terhadap tangguhan / sekatan / tahanan tersebut.

**BAHAGIAN B – AKAUN SIMPANAN KONVENSIONAL**

1. Akaun simpanan adalah untuk individu, persatuan dan pertubuhan. Pemilikan tunggal, rakan kongsi, syarikat, organisasi dan badan berkanun tidak dibenarkan membuka akaun simpanan.

2. Pilihan buku akaun atau penyata akaun mungkin ditawarkan untuk Pelanggan apabila akaun simpanan dibuka.

3. Dimana buku akaun dipilih oleh Pelanggan,
   (a) Pelanggan bertanggungjawab untuk sentiasa menyimpan buku akaun di tempat yang berkunci. Pelanggan bertanggungjawab memastikan bahawa butiran dalam buku akaun tersebut adalah betul sebelum meninggalkan premis HLB / HLISB di mana kegagalan berbuat demikian adalah dianggap bahawa Pelanggan telah menerima butiran tersebut.
   (b) Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada HLB sekiranya buku akaun hilang, dicuri atau musnah. HLB akan menutup Akaun tersebut dan baki yang masih belum dikreditkan ke dalam Akaun boleh dikeluarkan oleh Pelanggan atau dipindahkan ke akaun baru mengikut pilihan Pelanggan setelah surat tanggung rugi dilaksanakan oleh Pelanggan, dan dalam hal pemegang akaun bersama oleh semua pemegang akaun, dan setelah bayaran perkhidmatan dijelaskan. Sekiranya salah seorang pemegang akaun melaporkan tentang kehilangan / kecurian atau kemusnahan buku akaun, Akaun tersebut tidak boleh dikendalikan / ditutup sehingga semua pemegang akaun melaksanakan tanggung rugi atas nama HLB dan menjelaskan bayaran perkhidmatan berkenaan.

4. Dimana penyata akaun dipilih oleh Pelanggan, penyata akaun akan diberikan setiap suku tahunan atau pada tempoh yang mungkin ditetapkan oleh HLB. Pelanggan hendaklah memeriksa semua butiran dalam penyata akaun atau Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, dan dengan segera melaporkan kepada HLB apa-apa kesilapan yang terdapat dalamnya. Jika dalam tempoh empat belas (14) hari (atau tempoh lain yang dinyatakan oleh HLB di dalam penyata / notis / Penyata Akaun Dalam Talian) selepas menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata (Statement Date) Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan tidak membantah apa-apa butiran dalam Penyata / Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan dianggap menerima butiran yang dibuat sehingga tarikh butiran terakhir dimasukkan ke dalam penyata akaun / Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, sebagai betul dan HLB dilepaskan dari segala tanggungan.

5. Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh HLB kepada seseorang yang mengemukakan buku akaun (dimana buku akaun dipilih) dan borang wang keluar yang didakwa telah ditandatangani oleh Pelanggan akan mempunyai kesan yang sama seolah-olah ia dibayar kepada Pelanggan itu sendiri dan akan melepaskan HLB serta kakitangannya daripada semua tanggungan terhadap Pelanggan atau mana-mana orang lain.

6. Semua urus niaga berkenaan akaun simpanan boleh dijalankan di mana-mana cawangan HLB / HLISB. Di dalam keadaan ini, HLB / HLISB mempunyai hak untuk meminta pengenalan diri tambahan.

7. Faedah ke atas baki kredit akan diberikan pada kadar semasa HLB dan akan dikira berdasarkan baki harian atau apa-apa kaedah pengiraan lain seperti yang mungkin ditentukan oleh HLB mengikut budi bicara mutlaknya dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu. Faedah yang diperoleh akan dikreditkan pada tempoh tersebut seperti yang mungkin ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa.

8. Akaun Simpanan akan dianggap telah ditutup apabila Pelanggan mengeluarkan semua baki dalam akaun simpanan.

9. Akaun Simpanan adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

**BAHAGIAN C – AKAUN SEMASA KONVENSIONAL**

1. Permohonan buku cek hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh HLB atau apa-apa kaedah lain yang ditetapkan oleh HLB. Cek tidak boleh ditunaikan

di HLB melainkan cek yang dikeluarkan oleh HLB mempunyai nombor akaun bagi akaun semasa. Pelanggan yang mahu mengeluarkan wang tunai boleh berbuat demikian dengan mendapatkan kebenaran HLB terlebih dahulu dan menggunakan cek yang ditetapkan, slip pengeluaran atau lain-lain instrumen atau borang yang dikehendaki oleh HLB.

2. Pelanggan hendaklah berhati-hati semasa menulis cek untuk mengelakkan penipuan. HLB mempunyai hak untuk menolak dan mengembalikan cek jika tandatangan Pelanggan berbeza daripada contoh yang diberikan kepada HLB. Apa jua perubahan tidak boleh dibuat di atas cek. HLB mempunyai hak untuk menolak dan mengembalikan cek yang menurut budi bicara mutlaknya yang mempunyai apa jua perubahan (sama ada ditandatangan balas oleh Pelanggan / penyuruh bayar atau sebaliknya) atau HLB mempunyai sebab-sebab tertentu meragui kesahihan terhadap identiti pelanggan atau kejelasan cap jari, pengecapan cap jari atau authoriti dalam cek). Pelanggan tidak perlu mengecop sebarang cop syarikat / mohor persendirian pada cek kerana ia tidak akan diambilkira dalam proses penjelasan.

3. (a) Pelanggan bertanggungjawab untuk sentiasa menyimpan buku cek di tempat yang berkunci. Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada HLB sekiranya buku cek atau kepingan cek tidak ditemui, hilang, dicuri atau musnah. HLB tidak akan bertanggungan atau bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Pelanggan jika akibat kecuaian atau pengabaiannya, orang yang tidak diberi kebenaran memperoleh buku atau kepingan cek tersebut dan dengan cara tipu muslihat memperoleh bayaran bagi apa apa jumlah milik Pelanggan.
   (b) HLB boleh, atas permintaan Pelanggan, mengeluarkan buku cek setelah surat tanggung rugi dilaksanakan oleh Pelanggan, dan dalam hal akaun bersama oleh semua Pelanggan bersama, dan setelah bayaran perkhidmatan dijelaskan. Apabila buku cek baru dikeluarkan, buku cek lama menjadi tidak sah dan jika ditemui atau diperoleh semula mestilah dikembalikan kepada HLB dengan segera.
   (c) Pelanggan mesti memeriksa ketepatan butiran buku cek tersebut sebelum meninggalkan premis HLB / HLISB. Kegagalan berbuat demikian akan membebaskan HLB dari tanggungan.

4. Pelanggan hendaklah menggunakan borang yang ditetapkan oleh HLB apabila menyimpan cek dan wang. Pelanggan mesti memeriksa dan memastikan bahawa keratan simpanan mempunyai endorsemen daripada mesin juruwang HLB / HLISB atau pegawai HLB / HLISB sebelum meninggalkan premis HLB / HLISB. Keratan simpanan hanya sah sebagai akuan penerimaan jika terdapat endorsemen tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan membebaskan HLB dari tanggungan.

5. Cek dan instrumen kewangan lain yang dimasukkan ke dalam akaun semasa tetapi ditolak boleh dikembalikan secara serahan tangan atau melalui pos, atau cara lain seperti yang ditentukan oleh HLB mengikut budi bicara mutlaknya kepada Pelanggan di alamat terakhir yang berdaftar dengan HLB atas kos dan perbelanjaan serta risiko Pelanggan itu sendiri.

6. Pelanggan akan menanggung rugi HLB, sebagai jurubank pemungut, daripada apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh HLB disebabkan oleh jaminannya ke atas apa-apa endorsemen atau pelepasan, terhadap apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan untuk kutipan dan setiap jaminan tersebut yang diberikan oleh HLB hendaklah dianggap telah diberikan atas permintaan nyata Pelanggan dalam setiap hal.

7. Jika HLB menerima atau bertanggungan untuk membayar, bagi pihak atau atas permintaan Pelanggan, apa-apa dana atau cagaran dan barang berharga lain milik Pelanggan yang disimpan dengan HLB dan diuruskan oleh HLB akan dengan sendirinya menjadi cagaran kepada HLB dan HLB mempunyai hak untuk mengekalkan dana tersebut atau apa-apa bahagiannya, malah menolak cek Pelanggan sehingga tanggungan dijelaskan.

8. Overdraf diberikan hanya selepas persetujuan sewajarnya dibuat dengan HLB. Faedah akan dikenakan secara bulanan berdasarkan baki terlebih keluar harian pada kadar yang diluluskan oleh HLB atau pada kekerapan / tempoh rehat yang mungkin ditetapkan oleh HLB.

9. HLB akan hanya memberhentikan pembayaran apa-apa cek yang dikeluarkan setelah menerima arahan daripada Pelanggan sama ada secara bertulis atau melalui apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh HLB dan HLB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan akibat kesilapan yang tidak disengajakan. HLB diberi kuasa untuk menerima dan menjelaskan semua cek, draf, arahan pembayaran, bil pertukaran dan nota janji hutang yang dinyatakan akan dikeluarkan, ditandatangani, diterima, diendors atau dibuat bagi pihak Pelanggan sama ada akaun semasa menunjukkan kredit atau debit atau mungkin terlebih keluar disebabkannya atau sebaliknya tetapi tidak menjejaskan hak HLB untuk menolak atau membenarkan apa-apa overdraf dibuat atau meningkatkan had overdraf melebihi mana-mana had overdraf yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Di mana debit atau sebarang overdraf yang tidak diuruskan terlebih dahulu, pelanggan harus bertanggungjawab ke atas semua jumlah tersebut.

10. Jika berkenaan, bayaran perkhidmatan bagi akaun semasa dan faedah atas baki kredit akan dikira berdasarkan kaedah ABM atau HLB.

11. Penyata akaun semasa akan diberikan sebulan sekali atau pada tempoh yang mungkin ditetapkan oleh HLB. Pelanggan hendaklah memeriksa semua butiran dalam penyata akaun atau Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, dan dengan segera melaporkan kepada HLB apa-apa kesilapan yang terdapat dalamnya. Jika dalam tempoh empat belas (14) hari (atau tempoh lain yang dinyatakan oleh HLB di dalam penyata / notis / Penyata Akaun Dalam Talian) selepas menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata (Statement Date) Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan tidak membantah apa-apa butiran dalam Penyata / Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan dianggap menerima butiran yang dibuat sehingga tarikh butiran terakhir dimasukkan ke dalam penyata akaun / Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, sebagai betul dan HLB dilepaskan dari segala tanggungan.

12. Dalam semua hal, penyata baki berakhir pada 30 Jun dan 31 Disember atau pada tempoh / tarikh yang mungkin ditetapkan oleh HLB akan dihantar kepada Pelanggan dan Pelanggan dikehendaki mengesahkannya dengan mengembalikan slip pengesahan yang ditandatangani sewajarnya untuk tujuan audit. Sekiranya tiada apa-apa bantahan tentang penyata tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari (atau tempoh lain yang dinyatakan oleh HLB di dalam penyata atau notis) selepas diterima oleh Pelanggan, maka akaun semasa tersebut akan dianggap telah disahkan.

13. Akaun Semasa adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

## BAHAGIAN D – AKAUN DEPOSIT TETAP KONVENSIONAL

1. Sebarang simpanan Deposit Tetap boleh dibuat dengan jumlah minimum yang ditetapkan bergantung kepada tempoh simpanan yang mungkin ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu.

2. Pilihan resit deposit tetap atau penyata akaun mungkin ditawarkan untuk Pelanggan apabila akaun simpanan tetap dibuka.

3. Dimana penyata akaun dipilih oleh Pelanggan, penyata akaun akan diberikan setiap bulan dan / atau suku tahunan atau pada tempoh yang mungkin ditetapkan oleh HLB. Pelanggan

hendaklah memeriksa semua butiran dalam penyata akaun atau Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, dan dengan segera melaporkan kepada HLB apa-apa kesilapan yang terdapat dalamnya. Jika dalam tempoh empat belas (14) hari (atau tempoh lain yang dinyatakan oleh HLB di dalam penyata / notis / Penyata Akaun Dalam Talian) selepas menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata (Statement Date) Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan tidak membantah apa-apa butiran dalam Penyata / Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan dianggap menerima butiran yang dibuat sehingga tarikh butiran terakhir dimasukkan ke dalam penyata akaun / Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, sebagai betul dan HLB dilepaskan dari segala tanggungan.

4. Tertakluk kepada Fasal D(1) di atas, tempoh pemegangan yang diterima untuk penyimpanan Deposit Tetap hendaklah bagi tempoh satu (1) bulan dan dalam gandaan satu (1) bulan darinya sehingga tempoh atau gandaan lain seumpamanya seperti yang mungkin ditetapkan oleh HLB, ABM atau BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain. Penerimaan dan / atau pembaharuan bagi penyimpanan, tempoh pemegangan dan kadar tersebut yang dinyatakan bagi Deposit Tetap keseluruhannya mengikut budi bicara mutlak HLB. Sekiranya cek didepositkan untuk simpanan Deposit Tetap, Resit Deposit Tetap (dimana Resit Deposit Tetap dipilih) yang dikeluarkan kepada Pelanggan adalah tertakluk kepada penjelasan cek tersebut. (Dimana Resit Deposit Tetap dipilih), Resit Deposit Tetap yang dikeluarkan oleh HLB tidak boleh diserah hak, dipindah milik atau disandarkan sebagai cagaran melainkan kebenaran bertulis diberikan oleh HLB.

5. Semasa pengeluaran Deposit Tetap, Resit Deposit Tetap (dimana Resit Deposit Tetap dikeluarkan) mestilah dikemukakan, diendoskan sewajarnya oleh Pelanggan atau penentusahan identiti dengan pengesahan cap jari melalui pembaca MyKad atau lain-lain alat yang digunakan oleh HLB.

<u>Pengeluaran Sebahagian (berkuatkuasa 27 September 2018)</u>

6. Berkuatkuasa daripada 27 September 2018, pengeluaran sebahagian dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) adalah dibenarkan sepanjang tempoh Deposit Tetap, tertakluk kepada baki minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sahaja, dikekalkan dalam Deposit Tetap sehingga tarikh matang Deposit Tetap. Bank berhak meminda nilai atau kuantum pengeluaran dan / atau baki minimum untuk dikekalkan di bawahnya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal kepada Pelanggan.

7. Faedah dibayar atas amaun pengeluaran sebahagian menurut Fasal D9 di bawah sehingga 31 Disember 2018 manakala faedah pada kadar ditetapkan akan terus dibayar atas baki yang masih ada dalam Deposit Tetap dengan syarat Deposit Tetap itu dikekalkan hingga tarikh matang.

8. Pengeluaran sebahagian Deposit Tetap bagi baki kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) ke bawah adalah tidak dibenarkan. Pengeluaran Deposit Tetap sedemikian akan dianggap pengeluaran pramatang seluruh Deposit Tetap menurut Fasal D9 di bawah ini.

<u>Pengeluaran Pramatang (berkuatkuasa 27 September 2018 hingga 31 Disember 2018)</u>

9. Jika Deposit Tetap dikeluarkan, sebahagian atau keseluruhan, sebelum tarikh matang maka peraturan berikut akan diguna pakai:
   (a) Faedah tidak akan dibayar untuk:-
      (i) mana-mana peletakan deposit selama tempoh satu (1), dua (2) atau tiga (3) bulan yang tidak memenuhi tempoh yang penuh;
      (ii) mana-mana deposit tetap lain yang dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan;
   (b) Mana-mana keadaan lain yang tidak ditetapkan dalam Fasal 9(a) di atas, faedah akan dibayar bagi Deposit Tetap yang dikeluarkan sebelum matang dan akan menerima separuh (1/2) kadar faedah asal yang dikontrakkan pada setiap bulan yang lengkap.

HLB berhak untuk mengubah peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam Fasal D (9) (a) dan (b) pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dengan memberi notisawal.

**<u>Pengeluaran Pramatang (berkuatkuasa 1 Januari 2019)</u>**

10. Tiada faedah akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang Deposit Tetap berkuatkuasa daripada 1 Januari 2019 dan seterusnya, tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran pramatang.

11. Pelanggan adalah dengan ini memberikan arahan kepada HLB untuk membaharui Wang Pokok Deposit Tetap beserta Faedah Terkumpul secara automatik ke atas Deposit Tetap yang tersebut (melainkan HLB menerima sebarang arahan bertulis secara spesifik berbeza daripada apa yang telah disebutkan) untuk tempoh masa yang sama (atau tempoh yang seumpamanya seperti yang mungkin ditentukan oleh HLB mengikut budi bicara mutlak pada tarikh matang) dan kadar faedah yang akan ditentukan oleh HLB pada tarikh matang.

12. Sekiranya salah seorang pemegang akaun bersama melaporkan kehilangan / kecurian atau kemusnahan Resit Deposit Tetap (dimana Resit Deposit Tetap dipilih), maka resit ganti tidak akan dikeluarkan sehingga semua pemegang akaun melaksanakan tanggung rugi atas nama HLB dan menjelaskan bayaran perkhidmatan berkenaan.

13. Akaun Deposit Tetap adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

**Bahagian D (1) – Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong**

1. Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong adalah suatu akaun tetap yang menawarkan tempoh harian, bermula dari 30 hari sehingga maksimum 1,000 hari, dalam gandaan satu (1) hari; dan juga membenarkan pengeluaran sebahagian Deposit Tetap sebelum tarikh matang.

2. Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong hanya tersedia untuk syarikat-syarikat dan badan-badan kerajaan.

3. Adalah menjadi suatu syarat untuk pengendalian Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong bahawa Pelanggan mesti menghubungkan Akaun Semasa Konvensional atau dalam keadaan terdapatnya beberapa akaun, memilih salah satu daripada Akaun Semasa Konvensional untuk dihubungkan kepada Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong. Penghubungan akaun-akaun tersebut adalah untuk memudahkan pengkreditan jumlah transaksi daripada Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong kepada Akaun Semasa Konvensional seperti di bawah:
   (a) Pengeluaran jumlah deposit sebelum tarikh matang dan faedah yang perlu dibayar (jika ada); dan / atau
   (b) Faedah yang perlu dibayar setiap 30 hari jika tempoh Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong melebihi daripada 365 hari.

4. Semua terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Deposit Tetap Konvensional, seperti yang dinyatakan dalam Bahagian D di atas harus digunapakai untuk Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong, kecuali untuk item 6, 7, 8 dan 9 Bahagian D yang diubahsuai sewajarnya seperti dalam item 5 dan item 6 tambahan di bawah.

5. Apabila sebahagian atau sepenuhnya Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong dikeluarkan sebelum tarikh matang, peraturan-peraturan berikut hendaklah diterima pakai:-
   (a) Tiada faedah akan dibayar untuk sebarang Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong yang dikeluarkan sebelum tamat tempoh empat belas (14) hari;

(b) Faedah yang perlu dibayar adalah setengah (1/2) daripada kadar faedah asal yang dipersetujui untuk setiap hari yang telah genap bagi Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong yang dikeluarkan sebelum penyelesaian.

<u>**Pengeluaran Pramatang (berkuatkuasa 1 Januari 2019)**</u>

6. Tiada faedah akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong berkuatkuasa daripada 1 Januari 2019 dan seterusnya, tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran pramatang..

7. Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong membenarkan pengeluaran sebahagian pra-matang dibuat, tertakluk kepada perkara di bawah:
   (a) Jumlah Pengeluaran harus dalam gandaan Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000), tertakluk kepada jumlah minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) bagi setiap pengeluaran;
   (b) Deposit minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) bagi setiap resit mesti dikekalkan sehingga tarikh matang, jika tidak ia akan dianggap sebagai pengeluaran penuh Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong;
   (c) Suatu surat arahan untuk melakukan pengeluaran yang telah dibenarkan dan ditandatangani mengikut mandat operasi Pelanggan yang didaftarkan dengan akaun cawangan, dan Resit Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong yang asal mesti ditunjukkan bagi setiap pengeluaran; dan
   (d) Pelanggan bersetuju bahawa jumlah pengeluaran sebahagian dan faedah (jika berkenaan) harus dipindahkan ke Akaun Semasa Konvensionalnya yang telah dihubungkan.

   Baki yang masih ada dalam Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong akan dikemaskini pada Resit Penerimaan Perniagaan Flexi FD Hong Leong yang sama atau pada suatu resit baru, melainkan ditentukan oleh HLB. Faedah pada kadar yang ditetapkan akan terus dibayar ke atas baki yang masih ada dalam Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong dengan syarat Akaun Perniagaan Flexi Hong Leong itu dikekalkan hingga tarikh matang.

8. Akaun Perniagaan Flexi FD Hong Leong adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

**BAHAGIAN D (2) – FLEXI FD ACCOUNT**

1. Flexi FD Account ialah akaun deposit tetap yang membolehkan pengeluaran sebahagian dana dan kecuali sepertimana yang ditetapkan oleh HLB, Pelanggan berhak untuk memindahkan dana daripada Flexi FD Account kepada Flexi One Account atau sebaliknya secara automatik bagi memenuhi keperluan transaksi debit dan / atau kredit automatik.

2. Flexi FD Account hanya untuk diguna pakai oleh kegunaan individu, sama ada secara persendirian atau perkongsian bersama.

3. Operasi Flexi One Account:
   (a) Flexi One Account akan dihubungkan dengan Flexi FD Account pelanggan, akan tetapi para pelanggan tidak akan memanfaat dengan kemudahan OD berdasarkan jumlah prinsipal deposit tetap yang dimasukkan.
   (b) Selain dari pengecualian syarat-syarat atau variasi yang dinyatakan di sini, kesemua terma dan syarat berhubung dengan Hong Leong One Account adalah diguna pakai dan akan berkuatkuasa sepenuhnya.

4. Operasi Flexi FD Account:
   (a) Perletakan deposit tetap adalah untuk tempoh 12 bulan atau tempoh yang ditetapkan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu, dengan jumlah

minimum RM10,000 bagi setiap Pelanggan atau sebarang jumlah lain yang ditentukan oleh HLB di sini pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu.

(b) Resit deposit tetap tidak akan dikeluarkan tetapi penyata bulanan yang menggabungkan Flexi FD Account dan Flexi One Account Pelanggan akan menyatakan aktiviti transaksi setiap kali terdapat aktiviti bagi akaun tersebut akan dikeluarkan kepada para pelanggan.

(c) Sebarang perletakan deposit tetap di sini tidak akan digunakan sebagai cagaran untuk menjamin mana-mana fasiliti OD dan / atau untuk operasi Hong Leong One Account.

(d) Bagi pemindahan dana daripada Flexi FD Account kepada Flexi One Account, pengeluaran sebahagian awal tertakluk pada minimum RM3,000 dan gandaan RM3,000 seterusnya atau sebarang jumlah lain yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu.

(e) HLB berhak untuk mengeluarkan Flexi FD dalam gandaan RM3,000 dan apabila perlu untuk memenuhi keperluan arahan debit atau untuk penjelasan cek ke atas Flexi One Account kepada Pelanggan. Sebarang pengeluaran deposit tetap adalah berdasarkan "Last-In-FirstOut" atau sepertimana yang ditentukan oleh HLB atas budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu.

(f) Bagi tuntutan penjelasan cek di kaunter, pemindahan dana daripada Flexi FD Account kepada Flexi One Account tidak akan berkuatkuasa secara automatik. Pelanggan dikehendaki membuat pengeluaran sebahagian daripada Flexi FD Account dengan memberi arahan bertulis secara manual menggunakan borang sepertimana yang ditentukan oleh HLB untuk memenuhi tuntutan arahan debit atau untuk penjelasan cek bagi Flexi One Account.

(g) Sekiranya berlaku keadaan di mana agregat dana dalam Flexi FD Account dan Flexi One Account tidak mencukupi bagi memenuhi arahan debit atau untuk menjelaskan cek bagi Flexi One Account, HLB berhak untuk menolak arahan debit dan / atau penjelasan cek dan HLB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan dan / atau mana-mana pihak ketiga ke atas sebarang kehilangan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) atau akibat kehilangan atau kerosakan atau sebaliknya yang timbul atas apa jua alasan sekalipun.

(h) HLB berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan sebanyak RM5 bagi setiap pemindahan dana dalam gandaan RM3,000 daripada Flexi FD Account kepada Flexi One Account. HLB juga berhak memotong daripada atau mendebit Flexi One Account Pelanggan bagi sesuatu kadar caj perkhidmatan untuk memenuhi tuntutan arahan debit atau untuk penjelasan cek bagi Flexi One Account. HLB berhak untuk mengkaji semula dan mengubah caj perkhidmatan dengan memberi notis dua puluh satu (21) kalendar hari terlebih dahulu.

(i) Berhubung dengan kadar faedah yang diguna pakai pada pengeluaran jumlah deposit tetap, syarat dan peraturan yang sama diguna pakai pada Akaun Deposit Tetap Biasa dan kadar faedah yang diguna pakai ke atas jumlah yang sedia ada dalam deposit adalah kadar faedah yang sama sejajar dengan tempoh sebenar dan jumlah yang sedia ada.

(j) Bagi pemindahan dana daripada Flexi One Account kepada Flexi FD Account, pemindahan dana adalah tertakluk kepada jumlah minimum sebanyak RM30,000 dan dalam gandaan RM30,000, sehingga had RM90,000 (atau lain-lain jumlah yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu) asalkan terdapat baki kredit minimum sebanyak RM 30,000 selepas dana dipindahkan (atau lain-lain jumlah yang ditetapkan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu) dalam Flexi One Account, jika tidak pindahan dana secara automatik daripada Flexi One Account kepada Flexi FD Account tidak akan dilaksanakan. Pemindahan dana akan diletakkan berdasarkan kadar faedah semasa.

(k) Faedah terakru ke atas Flexi FD Account akan dikreditkan ke dalam Flexi One Account Pelanggan setiap bulan. Sekiranya semua deposit tetap atau sesuatu baki yang sedia ada, dikeluarkan sepenuhnya atau sebelum tempoh matang masing-masing atau tempoh minimum pemegangan seperti yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu, HLB berhak untuk menolak daripada atau

mendebit Flexi FD Account Pelanggan bagi semua faedah bulanan yang terakru termasuk tetapi tidak terhad kepada semua faedah yang dibayar ke atas sebahagian pengeluaran awal.

5. Tanpa mengambil kira segala yang terdapat di sini dan tanpa prejudis terhadap sebarang kandungan lain di sini, HLB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan dan / atau manamana pihak ketiga ke atas sebarang kehilangan (secara langsung atau tidak langsung) keuntungan atau perniagaan atau musibah atau sebarang kehilangan secara langsung atau berikutnya atau sebarang kerosakan, perbelanjaan dan / atau kehilangan termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana kehilangan faedah yang dibayar atau perlu dibayar ke atas deposit tetap dan / atau Flexi One Account, yang Pelanggan dan / atau pihak ketiga mungkin alami atau tanggung akibat mana-mana pengeluaran dan / atau pemindahan sebarang jumlah wang dan / atau sebarang pembayaran yang dibuat dan / atau sebarang dana yang digunakan oleh HLB atau kegagalan bagi pengeluaran, pemindahan, pembayaran dan / atau penggunaan oleh HLB sama ada daripada Flexi FD Account atau Flexi One Account atas apa juga sebab sekalipun.

6. Flexi FD Account adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

## BAHAGIAN E – HONG LEONG ONE ACCOUNT

1. Hong Leong One Account ialah akaun semasa yang faedah diperoleh ke atas baki kredit dan juga digunakan sebagai kemudahan overdraf ("OD") yang dicagar terhadap Deposit Tetap yang disimpan oleh Pelanggan dengan HLB pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa. Hong Leong One Account boleh dibuka dengan menyimpan jumlah minimum RM1000 atau apa-apa jumlah lain seperti yang mungkin diterima oleh HLB mengikut budi bicara mutlaknya.

2. Hong Leong One Account adalah untuk individu, sama ada secara peribadi atau nama bersama. Pemilikan tunggal, perkongsian, firma, persatuan, pertubuhan, syarikat, institusi dan entiti perniagaan lain tidak layak untuk membuka atau mengendalikan akaun tersebut.

3. Penggunaan Hong Leong One Account
   (a) OD hanya dapat digunakan jika dibenarkan oleh HLB dan dicagarkan terhadap Deposit Tetap. Had OD yang boleh digunakan bersamaan dengan jumlah pokok Deposit Tetap yang disimpan (dengan syarat Deposit Tetap tidak disimpan untuk apa-apa tujuan lain).
   (b) Penyimpanan Deposit Tetap tertakluk kepada Terma & Syarat bagi Akaun Deposit Tetap yang ditetapkan dalam Terma & Syarat ini.
   (c) Terma dan Syarat yang berkenaan dengan akaun semasa dan Overdraf yang ditetapkan dalam Terma & Syarat ini terpakai untuk Hong Leong One Account.

4. Penyimpanan Deposit Tetap dan OD
   (a) Deposit Tetap yang disimpan mestilah atas nama Pelanggan sebelum OD dapat digunakan. Pelanggan menyatakan dan menjamin bahawa Pelanggan ialah pemilik tunggal dan bermanfaat bagi Deposit Tetap dan Deposit Tetap bebas daripada apa jua jenis gadai janji, persetujuan cagaran atau kepentingan cagaran. Pelanggan tidak akan:
      (i) mengeluarkan, menyerah hak, memindahkan atau mewujudkan amanah berhubung dengan Deposit Tetap atau sebaliknya terikat dengan apa-apa persetujuan dengan mana- mana orang yang dengannya keseluruhan atau mana-mana bahagian Deposit Tetap atau apa-apa hak atau kelayakan daripadanya akan terjejas dalam apa jua cara;
      (ii) mewujudkan, cuba mewujudkan atau membenarkan untuk meneruskan apa-apa gadai janji, persetujuan cagaran atau kepentingan cagaran terhadap Deposit Tetap atau mana-mana bahagian daripadanya. Walau apa pun jua faedah, dividen atau keuntungan atau pembayaran lain yang terbit daripada atau

bertambah berhubung dengan Deposit Tetap tidak akan dikeluarkan dan akan ditambah dan menjadi sebahagian daripada Deposit Tetap.

(b) Pelanggan memberi kuasa kepada HLB untuk membaharui semula dan terus membaharui semula dari semasa ke semasa dan mengendalikan Deposit Tetap atau mana-mana bahagian daripadanya setelah matang bagi tempoh yang bersamaan dengan tempoh tetap tersebut atau bagi tempoh dan kadar faedah tersebut seperti yang dianggap sesuai oleh HLB mengikut budi bicara mutlaknya selagi Hong Leong One Account dikendalikan oleh Pelanggan dan sehingga penyelesaian penuh dan akhir semua jumlah terhutang termasuk faedah dan faedah mungkir pada kadar tersebut dan pada tempoh atas baki tersebut seperti yang mungkin dikenakan atau ditetapkan dari semasa ke semasa sama ada berhubung dengan Hong Leong One Account atau mana-mana Akaun lain.

(c) Deposit Tetap akan dan dengan ini dicagarkan kepada HLB sebagai bayaran tetap pertama sebagai cagaran bagi semua wang yang terhutang di bawah OD dan menurut Terma dan Syarat ini.

(d) HLB berhak dan boleh pada bila-bila masa menolak Deposit Tetap daripada wang yang terhutang oleh Pelanggan di bawah Hong Leong One Account dan apa-apa tanggungan lain Pelanggan yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini selain apa-apa hak tolakan lain, lien am lain atau hak yang sama yang HLB berhak dari segi undang-undang dan / atau ekuiti.

(e) Deposit Tetap dan / atau apa-apa cagaran lain yang mungkin diperoleh HLB dari semasa ke semasa dipegang oleh HLB:-

  (i) sebagai cagaran bagi semua wang yang terhutang di bawah OD dan untuk dilaksanakan oleh Pelanggan menurut obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini;

  (ii) akan terus sebagai cagaran bagi apa-apa jumlah terhutang yang belum jelas oleh Pelanggan kepada HLB ke atas Akaun atau apa-apa akaun lain yang diuruskan oleh HLB tanpa menjejaskan apa-apa pembayaran perantaraan atau penyelesaian akaun bagi pembayaran apa-apa jumlah yang terhutang dan tanpa menjejaskan apa-apa cagaran lain yang mungkin sekarang atau kemudian dari ini diperoleh.

5. Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat produk / akaun yang tersenarai di dalam Gabungan Penyata Kewangan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, kekaburan atau pertikaian dalam Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat bagi setiap produk / akaun, maka Terma dan Syarat bagi setiap produk / akaun akan digunapakai.

6. Komponen akaun semasa dalam Hong Leong One Account adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

**BAHAGIAN F – OVERDRAF / ALIRAN TUNAI (“OD / AliranTunai”)**

1. OD / Aliran Tunai dan had OD / Aliran Tunai yang dapat digunakan oleh Pelanggan adalah sepenuhnya mengikut budi bicara mutlak HLB / HLISB. Dengan tidak menyentuh apa-apa peruntukan lain dalam Bahagian E, F atau di bahagian lain dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, HLB / HLISB boleh mengikut budi bicara mutlaknya mengurangkan atau mengubah had OD / Aliran Tunai yang dapat digunakan oleh Pelanggan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu. Pelanggan hendaklah memastikan agar tidak melebihi had OD / Aliran Tunai pada setiap masa.

2. OD / Aliran Tunai boleh digunakan oleh Pelanggan dengan atau tanpa cagaran dan mengikut apa-apa syarat lain yang mungkin dikenakan oleh HLB / HLISB. Tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan lain dalam dokumen ini, OD / Aliran Tunai boleh dibayar balik / dibayar atas permintaan.

3. **Faedahyang Perlu Dibayar ke atas OD**

(a) Faedah akan dikenakan ke atas penggunaan OD pada kadar yang ditetapkan.

(b) Faedah pada Kadar Lebihan akan dilevi ke atas semua jumlah yang dikeluarkan melebihi had overdraf yang diluluskan (sebelum dan selepas tuntutan, penilaian atau perintah).

(c) Walau apa pun faedah tidak berbayar ke atas apa-apa jumlah yang dikeluarkan atau yang perlu dibayar mengikut mana-mana yang berkenaan di bawah Akaun tersebut termasuk faedah dimodalkan dan faedah mungkir hendaklah, pada akhir setiap bulan kalendar dimodalkan dan ditambah kepada jumlah pokok yang terhutang pada masa itu dan hendaklah selepas itu mempunyai faedah pada Kadar Ditetapkan.

(d) Faedah tambahan pada Kadar Mungkir akan dikenakan pada bila-bila masa apabila ganti rugi jumlah tertentu yang dipersetujui ke atas wang pokok atau faedah (termasuk faedah dimodalkan dan faedah mungkir) dan semua wang lain yang perlu dibayar dan terhutang di bawah Akaun dikira dari tarikh wang tersebut perlu dibayar hingga tarikh penyelesaian penuh.

(e) HLB boleh mengikut budi bicara mutlaknya mengubah BLR, kadar faedah yang dikenakan melebihi BLR (termasuk Kadar Mungkir atau Kadar Lebihan) atau apa-apa bayaran lain dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu dan perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang ditentukan dalam notis HLB dan jika tidak ada tarikh dinyatakan, dari tarikh notis tersebut. Notis perubahan tersebut dari HLB boleh dalam apa jua bentuk dan cara. Keputusan HLB mengikut perubahan dalam kadar tersebut di atas dan tarikh yang perubahan tersebut berkuat kuasa adalah muktamad.

(f) Jika dikehendaki oleh HLB, Pelanggan hendaklah mengekalkan, berhubung dengan Deposit Tetap atau apa-apa cagaran lain yang disediakan, margin cagaran tersebut berkaitan dengan jumlah belum jelas / terhutang seperti yang dikehendaki oleh HLB dari semasa ke semasa dengan menyimpan dan mengenakan, atas permintaan HLB, apa-apa jumlah tambahan (yang akan menjadi sebahagian daripada Deposit Tetap) dan / atau peruntukan apa-apa cagaran lain yang mungkin diterima oleh HLB. Pelanggan akan melaksanakan apa-apa dokumen atau instrumen lain dan melakukan apa-apa tindakan atau perkara yang mungkin dikehendaki oleh HLB untuk menyempurnakan bayaran tersebut ke atas apa-apa cagaran sedia ada atau baru.

4. **Keuntungan Yang Perlu Dibayar ke atas Aliran Tunai**

(a) Bagi kemudahan aliran tunai HLISB, keuntungan akan dicaj ke atas baki harian. Pelanggan tidak boleh menggunakan kemudahan ini melebihi had penggunaan yang diluluskan. Jika pelanggan telah mengeluar atau menggunakan jumlah wang melebihi had penggunaan yang diluluskan, maka akaun itu mestilah dikembalikan seperti biasa pada hari berikutnya atau apabila tamatnya tempoh lebihan sementara yang diluluskan. Jika akaun itu menjadi berlebihan disebabkan program pengurangan had penggunaan dlluluskan berkala atau disebabkan had penggunaan diluluskan telah luput, maka kadar caj pampasan sebanyak tidak lebih daripada Pasaran Wang Antara Bank Perbankan Islam semalaman harian semasa yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (“IIMM”) akan dikenakan.

(b) Jika dikehendaki oleh HLISB, Pelanggan hendaklah mengekalkan, berhubung dengan Deposit-i Tetap atau apa-apa cagaran lain yang disediakan, margin cagaran tersebut berkaitan dengan jumlah belum jelas / terhutang seperti yang dikehendaki oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan menyimpan dan mengenakan, atas permintaan HLISB, apa-apa jumlah tambahan (yang akan menjadi sebahagian daripada Deposit Tetap-i) dan / atau peruntukan apa-apa cagaran lain yang mungkin diterima oleh HLISB. Pelanggan akan melaksanakan apa-apa dokumen atau instrumen lain dan melakukan apa-apa tindakan atau perkara yang mungkin dikehendaki oleh HLISB untuk menyempurnakan bayaran tersebut ke atas apa-apa cagaran sedia ada atau baru.

5. **Penyata Akaun**

Penyata Akaun atau sijil yang dikeluarkan oleh HLB / HLISB dan sijil jualan elektronik bagi Aliran Tunai yang dikeluarkan oleh HLISB adalah bukti muktamad keberhutangan Pelanggan di bawah OD / AliranTunai.

6. **Semakan Berkala**

HLB / HLISB mempunyai hak untuk menyemak OD AliranTunai pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa mengambil kira sama ada Kejadian Mungkir berlaku atau tidak dan tidak ada apa-apa dalam Terma-terma dan Syara-syarat ini akan dianggap mengenakan apa-apa obligasi terhadap HLB / HLISB sama ada dari segi undang-undang atau ekuiti agar Pelanggan dapat atau terus menggunakan OD / Aliran Tunai.

7. **Kejadian Mungkir**

7.1 Tanpa menjejaskan hak HLB / HLISB untuk mengembalikan semua wang terhutang di bawah OD / Aliran Tunai disebabkan oleh tuntutan, semua wang, faedah / keuntungan terakru padanya dan wang lain yang pada masa itu terhutang atau masih belum berbayar oleh Pelanggan di bawah OD / Aliran Tunai juga perlu dibayar dan dengan segera dapat dibayar semula oleh Pelanggan kepada HLB / HLISB dan HLB / HLISB berhak untuk mendapatkan semula wang tersebut berserta faedah / keuntungan padanya pada Kadar Mungkir / kadar yang dipersetujui, dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu kepada atau persetujuan bagi pihak Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran setelah berlaku apa-apa kejadian berikut:

(a) jika Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran gagal membuat pembayaran apa-apa wang sama ada wang pokok atau faedah / keuntungan yang terhutang dan perlu dibayar kepada HLB / HLISB atau gagal melaksanakan apa-apa aku janji, perjanjian atau pelanggaran apa-apa pernyataan atau waranti atau apa-apa Terma dan Syarat ini; atau

(b) Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran disenaraihitamkan oleh DCHEQS; atau

(c) Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran, atau mana-mana syarikat yang berkaitan (tertakluk pada seksyen 7Akta Syarikat2016) atau pemegang saham yang banyak (dibawah seksyen 136 D Akta Syarikat2016) Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran, mungkir di bawah mana-mana akaun dengan HLB / HLISB atau mana-mana institusi kewangan lain atau jika akaun mana-mana pihak lain yang Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran ialah penjamin yang memungkiri atau jika terdapat apa-apa pendakwaan, litigasi, timbang tara atau pelaksanaan kebangkrapan atau penggulungan prosiding dibuat atau ancaman terhadap Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran yang mungkin dari segi material menjejaskan kemampuannya membayar atau sebaliknya mengurangkan atau menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan obligasinya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini; atau

(d) jika Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran menjadi bankrup atau membuat apa-apa komposisi atau persetujuan dengan atau untuk manfaat pemiutangnya; atau

(e) jika apa-apa distres, pelaksanaan atau proses lain mahkamah bagi bidang kuasa kompeten dilevi atau dikeluarkan terhadap harta Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran dan proses tersebut tidak disempurnakan atau ditarik balik dalam tempoh tujuh (7) hari daripadanya; atau

(f) jika Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran didakwa dibawah sebarang undang-undang, menjalani apa-apa hukuman tahanan, menjadi tidak siuman atau meninggal dunia; atau

(g) jika ada apa-apa perubahan material dalam keadaan kewangan Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran yang pada pendapat munasabah HLB / HLISB mungkin menjejaskan keupayaan Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran untuk membayar OD / Aliran Tunai dan faedah / keuntungan daripadanya; atau

(h) jika perubahan menurut undang-undang atau peraturan yang berkaitan menjadikannya tidak munasabah atau menyalahi undang-undang bagi HLB / HLISB terus menyediakan OD / Aliran Tunai bagi Pelanggan.

7.2 Walau apa pun peruntukan dalam dokumen ini, HLB / HLISB boleh mengikut budi bicara mutlaknya menggantung OD / Aliran Tunai pada bila-bila masa sama ada Kejadian Mungkir berlaku atau tidak.

8. **Akaun Digantung**

Apa-apa wang yang diterima boleh disimpan ke dalam kredit akaun digantung selagi HLB / HLISB fikir sesuai tanpa apa-apa obligasi, sementara itu untuk menggunakan wang yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya dalam atau untuk menjelaskan apa-apa wang atau tanggungan yang perlu dibayar atau ditanggung oleh Pelanggan. Walau apa pun pembayaran seumpamanya jika apa-apa prosiding dalam atau seakan-akan kebankrapan, pembubaran, komposisi atau persetujuan HLB / HLISB boleh membuktikan untuk dan bersetuju menerima apa-apa dividen atau komposisi berhubung dengan keseluruhan atau mana-mana bahagian wang dan tanggungan tersebut dalam cara yang sama seolah-olah cagaran tidak diwujudkan dan tidak ada wang atau dividen diterima oleh HLB / HLISB akan dianggap sebagai diterima, tetapi jumlah penuh dengan ini dicagarkan perlu dibayar oleh Pelanggan sehingga HLB / HLISB menerima dari semua sumber satu ratus sen dalam ringgit ke atas baki terakhir belum jelas terhadap Pelanggan. Selepas HLB / HLISB menerima baki terakhir tersebut sepenuhnya, apa-apa tuntutan bagi pihak Pelanggan untuk apa-apa cagaran yang masih ada pada HLB / HLISB akan menjadi pelarasan antara HLB / HLISB dengan Pelanggan dan mana-mana orang lain yang membuat tuntutan padanya.

9. **Pengelakan Pembayaran**

Tiada jaminan, cagaran atau pembayaran yang boleh dielakkan di bawah mana-mana undang-undang berkaitan dengan penutupan atau tidak mampu bayar dan tiada pelepasan atau penyelesaian diberikan atau dibuat oleh HLB / HLISB mengikut apa-apa jaminan, cagaran atau pembayaran tersebut yang akan menjejaskan hak HLB / HLISB untuk mendapatkan semula wang daripada Pelanggan yang dengan ini dicagar sepenuhnya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Apa-apa pelepasan atau penyelesaian tersebut akan dianggap dibuat tertakluk kepada syarat yang akan terbatal jika apa-apa pembayaran atau cagaran yang mungkin diterima oleh HLB / HLISB sebelum ini atau mungkin diterima selepas ini daripada mana-mana orang berhubung dengan wang tersebut dengan ini dipersetujui akan dibayar atau dibayar semula oleh Pelanggan dibatalkan di bawah mana-mana undang-undang atau bukti yang berkenaan bagi apa-apa sebab tidak sah.

10. **Penguatkuasaan**

Hak HLB / HLISB di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah tambahan kepada dan bukan penggantian mana-mana hak atau cagaran lain yang HLB / HLISB mungkin ada daripada atau terhadap Pelanggan atau mana-mana orang lain dari segi undang-undang dan / atau ekuiti dan boleh dikuatkuasakan menurut Terma-terma dan Syarat-syarat ini tanpa menggunakan terlebih dahulu mana-mana hak atau cagaran lain tersebut dan tanpa mengambil apa-apa tindakan atau prosiding terhadap mana-mana orang / cagaran lain tersebut.

11. **Pengubahsuaian & Kelonggaran**

Tanggungan Pelanggan dan mana-mana pihak cagaran dan hak HLB / HLISB tidak akan terjejas dengan apa jua yang dilakukan oleh HLB / HLISB dan HLB / HLISB boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa menjejaskan atau melepaskan Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran:-

(a) menentukan peningkatan yang berbeza-beza atau penstrukturan semula OD / Aliran Tunai atau had overdraf / Aliran Tunai dan boleh membuka dan / atau meneruskan mana-mana akaun dengan Pelanggan di mana-mana cawangan HLB / HLISB;

(b) memberi masa atau kelonggaran kepada Pelanggan atau mana-mana orang lain; atau

(c) berurusan dengan, menukar, melepaskan atau mengubah suai atau menahan diri daripada melaksanakan atau menguatkuasakan apa-apa cagaran atau jaminan atau hak lain yang mungkin HLB / HLISB sekarang atau pada bila-bila masa selepas ini

atau dari semasa ke semasa ada daripada atau terhadap Pelanggan atau mana-mana orang lain; atau

(d) mencapai persetujuan dengan Pelanggan dan / atau mana-mana orang lain.

12. **Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("APK") / Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("APKI") dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia Mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-Pihak Berhubung ("Garis Panduan")**
Untuk membolehkan HLB / HLISB mematuhi APK / APKI dan Garis Panduan berkaitan, Pelanggan seharusnya memaklumkan kepada HLB / HLISB sama ada Pelanggan adalah pihak berhubung di bawah Garis Panduan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pasangan suami isteri, anak, ibu bapa atau tanggungan kewangan kepada Pengarah HLB / HLISB, Pegawai Eksekutif atau pegawai HLB / HLISB yang meluluskan / menilai / menyemak kredit atau sekiranya Pelanggan adalah sebuah syarikat / pelanggan perniagaan, termasuk entiti yang dikawal oleh Pengarah atau pegawai HLB / HLISB yang tersebut di atas. Sekiranya pada bila-bila masa Pelanggan menjadi Pihak Berhubung Pelanggan mestilah memaklumkan perhubungan ini kepada HLB / HLISB secara bertulis dengan segera. HLB / HLISB berhak untuk menamatkan Kemudahan tersebut sekiranya Pelanggan gagal untuk membuat perisytiharan yang wajar atau tepat, yang mengakibatkan HLB / HLISB melanggar APK / APKI atau Garis Panduan tersebut.

**BAHAGIAN G – HLISB AKAUN SIMPANAN-i**

1. Akaun simpanan-i HLISB adalah untuk individu, persatuan dan pertubuhan. Pemilik tunggal, rakan kongsi, syarikat, organisasi dan badan berkanun tidak dibenarkan membuka akaun simpanan-i HLISB.

2. Akaun Simpanan-i HLISB menggunakan konsep Syariah iaitu Tawarruq.

3. HLISB mempunyai hak untuk mengamalkan mana-mana konsep lain pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu.

4. HLISB mempunyai hak untuk menggunakan atau melaburkan dana dalam apa jua cara yang difikirkannya sesuai. Kaedah pelaburan tersebut akan berlandaskan Syariah.

5. Pilihan buku akaun atau penyata akaun mungkin ditawarkan untuk Pelanggan apabila akaun simpanan dibuka.

6. Jika buku akaun dipilih oleh Pelanggan,
(a) Pelanggan bertanggungjawab untuk sentiasa menyimpan buku akaun di tempat yang berkunci. Pelanggan bertanggungjawab memastikan bahawa butiran dalam buku akaun tersebut adalah betul sebelum meninggalkan premis HLB / HLISB dan kegagalan berbuat demikian adalah dianggap bahawa Pelanggan telah menerima butiran tersebut.
(b) Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada HLISB sekiranya buku akaun hilang, dicuri atau musnah. HLISB akan menutup Akaun tersebut dan baki yang masih belum dikreditkan ke dalam Akaun boleh dikeluarkan oleh Pelanggan atau dipindahkan ke akaun baru mengikut pilihan Pelanggan setelah surat tanggung rugi dilaksanakan oleh Pelanggan, dan dalam hal pemegang akaun bersama oleh semua pemegang akaun, dan setelah bayaran perkhidmatan dijelaskan. Sekiranya salah seorang pemegang akaun melaporkan tentang kehilangan / kecurian atau kemusnahan buku akaun, Akaun tersebut tidak boleh dikendalikan / ditutup sehingga semua pemegang akaun melaksanakan tanggung rugi atas nama HLISB dan menjelaskan bayaran perkhidmatan berkenaan.

7. Jika penyata akaun dipilih oleh Pelanggan, penyata akaun akan diberikan setiap suku tahunan atau pada tempoh yang mungkin ditetapkan oleh HLISB. Pelanggan hendaklah

memeriksa semua butiran dalam penyata akaun atau Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, dan dengan segera melaporkan kepada HLISB apa-apa kesilapan yang terdapat dalamnya. Jika dalam tempoh empat belas (14) hari (atau tempoh lain yang dinyatakan oleh HLISB di dalam penyata / notis / Penyata Akaun Dalam Talian) selepas menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata (Statement Date) Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan tidak membantah apa-apa butiran dalam Penyata / Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan dianggap menerima butiran yang dibuat sehingga tarikh butiran terakhir dimasukkan ke dalam penyata akaun / Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, sebagai betul dan HLISB dilepaskan dari segala tanggungan.

8. Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh HLISB kepada seseorang yang mengemukakan buku akaun (jika buku akaun dipilih) dan borang wang keluar yang didakwa telah ditandatangani oleh Pelanggan akan mempunyai kesan yang sama seolah-olah ia dibayar kepada Pelanggan itu sendiri dan akan melepaskan HLISB serta kakitangannya daripada semua tanggungan terhadap Pelanggan atau mana-mana orang lain.

9. Semua urus niaga berkenaan akaun simpanan-i HLISB boleh dijalankan di mana-mana cawangan HLB / HLISB. Di dalam keadaan ini HLB / HLISB mempunyai hak untuk meminta pengenalan diri tambahan.

10. Akaun simpanan-i HLISB akan dianggap telah ditutup apabila Pelanggan mengeluarkan semua baki dalam akaun simpanan-i HLISB.

11. Akaun Simpanan-i HLISB adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

**BAHAGIAN H – HLISB AKAUN SEMASA - i**

1. HLISB akan menerima jumlah wang yang disimpan dan apa-apa jumlah wang yang akan disimpan seterusnya ke dalam Akaun Semasa-i HLISB yang dikendalikan menurut Konsep Tawarruq. HLISB mempunyai hak untuk menggunakan mana-mana Konsep lain pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu. Pelanggan hendaklah memberikan kebenarannya kepada HLISB untuk mengendalikan seluruh atau mana-mana bahagian bagi apa-apa wang yang ada didalam kredit Akaun dengan kaedah yang difikirkan sesuai oleh HLISB.

2. Permohonan buku cek hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh HLISB atau apa-apa kaedah lain yang ditetapkan oleh HLISB. Cek tidak boleh ditunaikan di HLISB melainkan cek yang dikeluarkan oleh HLISB mempunyai nombor akaun bagi akaun semasa-i HLISB. Pelanggan yang mahu mengeluarkan wang tunai boleh berbuat demikian dengan mendapatkan kebenaran HLISB terlebih dahulu dan menggunakan cek yang ditetapkan, slip pengeluaran atau lain-lain instrumen atau borang yang dikehendaki oleh HLISB.

3. Pelanggan hendaklah berhati-hati semasa menulis cek untuk mengelakkan penipuan. HLISB mempunyai hak untuk menolak dan mengembalikan cek jika tandatangan Pelanggan berbeza daripada contoh yang diberikan kepada HLISB. Apa-apa jua perubahan tidak boleh dibuat di atas cek. HLISB mempunyai hak untuk menolak dan mengembalikan cek yang menurut budi bicara mutlaknya yang mempunyai apa-apa jua perubahan (sama ada ditandatangan balas oleh Pelanggan / penyuruh bayar atau sebaliknya) atau HLISB mempunyai sebab-sebab tertentu meragui kesahihan terhadap identiti pelanggan atau kejelasan cap jari, pengecapan cap jari atau authority dalam cek. Pelanggan tidak perlu mengecop sebarang cop syarikat / mohor persendirian pada cek kerana ia tidak akan diambilkira dalam proses penjelasan.

4. (a) Pelanggan bertanggungjawab untuk sentiasa menyimpan buku cek di tempat yang berkunci. Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada HLISB sekiranya buku cek atau kepingan cek hilang, dicuri atau musnah. HLISB tidak akan bertanggunganjawabkan atau bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Pelanggan jika akibat kecuaian atau pengabaiannya, orang yang tidak diberi kebenaran memperoleh buku atau kepingan cek tersebut dan dengan tipu muslihat memperoleh bayaran bagi apa-apa jumlah milik Pelanggan.

(b) HLISB boleh atas permintaan Pelanggan mengeluarkan buku cek setelah surat tanggung rugi dilaksanakan oleh Pelanggan, dan dalam hal akaun bersama oleh semua Pelanggan bersama, dan setelah bayaran perkhidmatan dijelaskan. Apabila buku cek baru dikeluarkan, buku cek lama menjadi tidak sah dan jika ditemui atau diperoleh semula, mestilah dikembalikan kepada HLISB dengan segera.

(c) Pelanggan mesti memeriksa ketepatan butiran buku cek tersebut sebelum meninggalkan premis HLB / HLISB. Kegagalan berbuat demikian akan membebaskan HLISB dari tanggungan.

5. Pelanggan hendaklah menggunakan borang yang ditetapkan oleh HLISB apabila menyimpan cek dan wang. Pelanggan mesti memeriksa dan memastikan bahawa keratan simpanan mempunyai endorsemen / pengesahan daripada mesin juruwang HLB / HLISB atau pegawai HLB / HLISB sebelum meninggalkan premis HLB / HLISB. Keratan simpanan hanya sah sebagai akuan penerimaan jika terdapat endorsemen / pengesahan tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan membebaskan HLISB dari semua tanggungan.

6. Cek dan instrumen kewangan lain yang dimasukkan ke dalam Akaun tetapi ditolak boleh dikembalikan secara serahan tangan atau melalui pos atau cara lain seperti yang ditentukan oleh HLISB mengikut budi bicara mutlaknya kepada Pelanggan di alamat terakhir yang berdaftar dengan HLISB atas kos dan perbelanjaan serta risiko Pelanggan itu sendiri.

7. Pelanggan akan menanggung rugi HLISB, sebagai jurubank pemungut, terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh HLISB kerana menjamin apa-apa endorsemen / pengesahan atau pelepasan, pada mana-mana cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan untuk kutipan dan setiap jaminan tersebut yang diberikan oleh HLISB hendaklah dianggap telah diberikan atas permintaan nyata oleh Pelanggan dalam setiap hal.

8. Jika HLISB menerima atau bertanggungan untuk membayar, bagi pihak atau atas permintaan Pelanggan, maka apa-apa dana atau cagaran dan barangan berharga lain milik Pelanggan yang disimpan dengan HLISB dan diuruskan oleh HLISB akan dengan sendirinya menjadi cagaran kepada HLISB dan HLISB mempunyai hak untuk menyimpan dana tersebut atau mana-mana bahagiannya dan juga menolak cek Pelanggan sehingga tanggungan dijelaskan.

9. HLISB akan hanya menghentikan pembayaran apa-apa cek yang dikeluarkan setelah menerima arahan daripada Pelanggan sama ada secara bertulis atau melalui apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh HLISB dan HLISB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan akibat kesilapan yang tidak disengajakan. HLISB diberi kuasa untuk menerima dan menjelaskan semua cek, draf, arahan pembayaran, bil pertukaran dan nota janji hutang yang dinyatakan akan dikeluarkan, ditandatangani, diterima, diendors / disahkan atau dibuat bagi pihak Pelanggan sama ada Akaun menunjukkan kredit atau debit atau mungkin terlebih keluar disebabkannya atau sebaliknya. Jika debit atau sebarang pengeluaran melebihi had yang tidak diuruskan terlebih dahulu, pelanggan harus bertanggungjawab ke atas semua jumlah tersebut.

10. Jika berkenaan, bayaran perkhidmatan bagi Akaun dan keuntungan atas baki kredit akan dikira menurut kaedah AIBIM atau HLISB.

11. Penyata akaun semasa-i akan diberikan sebulan sekali atau pada tempoh yang mungkin ditetapkan oleh HLISB. Pelanggan hendaklah memeriksa semua butiran dalam penyata akaun atau Penyata akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, dan dengan segera melaporkan kepada HLISB apa-apa kesilapan yang terdapat dalamnya. Jika dalam tempoh empat belas (14) hari (atau tempoh lain yang dinyatakan oleh HLISB di dalam penyata / notis / Penyata Akaun Dalam Talian) selepas menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata (Statement Date) Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan tidak membantah apa-apa butiran dalam Penyata / Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan dianggap menerima butiran yang dibuat sehingga tarikh butiran terakhir dimasukkan ke dalam penyata akaun / Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, sebagai betul dan HLISB dilepaskan dari segala tanggungan.

12. Dalam semua hal, penyata baki berakhir pada 30 Jun dan 31 Disember atau pada tempoh / tarikh yang mungkin ditetapkan oleh HLISB akan dihantar kepada Pelanggan dan Pelanggan dikehendaki mengesahkannya dengan mengembalikan slip pengesahan yang ditandatangani untuk tujuan audit. Sekiranya tiada apa-apa bantahan tentang penyata tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari (atau tempoh lain yang dinyatakan oleh HLISB di dalam penyata atau notis) selepas diterima oleh Pelanggan, maka Akaun semasa-i tersebut dianggap telah disahkan.

13. Akaun Semasa-i HLISB adalah dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

**BAHAGIAN I – HLISB AKAUN PELABURAN AM - i**

1. Akaun Pelaburan Am-i HLISB telah dihentikan untuk penawaran penempatan / peletakan baru berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

2. HLISB menerima jumlah wang yang dilaburkan dalam Akaun Pelaburan Am-i berdasarkan Konsep Mudarabah dan pelanggan memberikan kebenarannya kepada HLISB untuk menguruskan seluruh atau mana-mana bahagian wang yang ada di dalam Akaun mengikut keperluan Syariah dan kaedah yang difikirkan sesuai oleh HLISB. HLISB mempunyai hak untuk menggunakan mana-mana Konsep lain pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu. Pelanggan bersetuju bahawa pulangan pelaburan akan berdasarkan nisbah perkongsian untung seperti yang ditentukan oleh HLISB dari masa ke masa dan dipersetujui oleh Pelanggan pada masa pelaburan disimpan.

3. Sebarang simpanan di bawah Akaun boleh dibuat dengan jumlah minimum yang ditetapkan bergantung kepada tempoh simpanan yang mungkin ditetapkan oleh HLISB dari masa ke masa.

4. Pilihan sijil Akaun Pelaburan Am-i atau penyata akaun mungkin ditawarkan untuk Pelanggan apabila Akaun Pelaburan Am-i dibuka.

5. Jika penyata akaun dipilih oleh Pelanggan, penyata akaun akan diberikan setiap bulan dan / atau suku tahunan atau pada tempoh yang mungkin ditetapkan oleh HLISB. Pelanggan hendaklah memeriksa semua butiran dalam penyata akaun atau Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, dan dengan segera melaporkan kepada HLISB apa-apa kesilapan yang terdapat dalamnya. Jika dalam tempoh empat belas (14) hari (atau tempoh lain yang dinyatakan oleh HLISB di dalam penyata / notis / Penyata Akaun Dalam Talian) selepas menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata (Statement Date) Penyata Akaun Dalam Talian, Pelanggan tidak membantah apa-apa butiran dalam Penyata / Penyata Akaun

Dalam Talian, Pelanggan dianggap menerima butiran yang dibuat sehingga tarikh butiran terakhir dimasukkan ke dalam penyata akaun / Penyata Akaun Dalam Talian, bagi pelanggan Hong Leong Online untuk Perkhidmatan Perbankan Individu atau Perniagaan, sebagai betul dan HLISB dilepaskan dari segala tanggungan.

6. Tertakluk kepada Fasal I (3) di atas, tempoh penyimpanan bagi Akaun Pelaburan Am-i adalah, untuk tempoh satu (1) bulan dan dalam gandaan satu (1) bulan darinya sehingga tempoh atau gandaan lain seumpamanya, seperti yang mungkin ditetapkan oleh HLISB, AIBIM, BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain. Penerimaan dan / atau pembaharuan bagi penyimpanan, tempoh dan nisbah perkongsian untung seumpamanya yang dinyatakan bagi Akaun Pelaburan Am-i keseluruhannya mengikut budi bicara mutlak HLISB akan dikeluarkan untuk pelanggan dan dipersetujui oleh penyimpan. Sekiranya cek didepositkan untuk simpanan, Sijil Akaun Pelaburan Am-i (dimana Sijil Akaun Pelaburan Am-i dipilih) yang dikeluarkan kepada Pelanggan adalah tertakluk kepada penjelasan cek tersebut. Sijil Akaun Pelaburan Am-i (dimana Sijil Akaun Pelaburan Am-i dipilih) yang dikeluarkan oleh HLISB tidak boleh diserah hak, dipindah milik atau disandarkan sebagai cagaran melainkan kebenaran bertulis diberikan oleh HLISB.

7. Apabila membuat pengeluaran dari Sijil Akaun Pelaburan Am-i, Sijil Akaun Pelaburan Am-i (dimana Sijil Akaun Pelaburan Am-i dipilih) hendaklah dikemukakan dan diendoskan / disahkan sewajarnya oleh Pelanggan atau penentusahan identiti dengan pengesahan cap jari melalui pembaca MyKad atau lain-lain alat yang digunakan oleh HLISB. Kecuali ditentukan sebaliknya, HLISB tidak akan membenarkan pengeluaran atau pembaharuan dibuat di mana-mana cawangan selain cawangan tempat Akaun Pelanggan dikendalikan.

8. Jika Pelaburan dikeluarkan sebelum tempoh matang, maka kaedah berikut akan diterima pakai:-
   (a) Pelanggan bersetuju bahawa keuntungan (jika ada) daripada tarikh deposit sehingga tarikh pengeluaran, akan lesap di bawah prinsip Syariah; Tanazul. Oleh itu, tidak ada keuntungan yang akan dibayar dalam keadaan berikut:
      (i) apa-apa pelaburan yang disimpan untuk tempoh satu (1), dua (2) atau tiga (3) bulan yang masih belum genap tempoh;
      (ii) apa-apa pelaburan yang disimpan untuk tempoh melebihi tiga (3) bulan jika simpanan tersebut dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan.
   (b) Selain keadaan yang dinyatakan dalam Fasal I (7)(a) di atas, keuntungan yang akan dibayar bagi pelaburan yang belum genap tempoh akan dikira pada genap tempoh sebelumnya yang lebih pendek berdasarkan bilangan bulan yang genap sebulan pada waktu pembayaran.

   HLISB berhak untuk mengubah peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam Fasal I (7) (a) dan (b) pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan terlebih dahulu.

9. Di bawah konsep Mudarabah, usahasama antara kedua-dua pihak akan dibubarkan pada tarikh matang. Namun, Pelanggan bersetuju bahawa keuntungan tidak akan dibayar bagi pengeluaran pramatang yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 2019 tanpa mengambil kira bilangan bulan genap pada masa pengeluaran pramatang itu berlaku.

10. Sekiranya salah seorang pemegang akaun bersama melaporkan tentang kehilangan / kecurian atau kemusnahan Sijil Akaun Pelaburan Am-i, maka sijil ganti tidak akan dikeluarkan sehingga semua pemegang akaun melaksanakan tanggung rugi atas nama HLISB dan menjelaskan bayaran perkhidmatan berkenaan.

11. Menurut KonsepMudarabah, kedua-dua HLISB dan pelanggan hendaklah bersependapat tentang nisbah perkongsian untung di antara mereka. Pelanggan bersetuju bahawa pulangan pelaburan akan berdasarkan nisbah perkongsian untung yang dipersetujui.

Sebarang kerugian akibat dari pelaburan akan ditanggung oleh pemberi modal (pelanggan) kecuali ianya akibat dari salah tadbir dana maka HLISB akan menanggung kerugian tersebut.

12. Sebelum ini, HLISB menggunakan mekanisme Rizab Penyamaan Keuntungan (PER) untuk semua produk berasaskan Mudharabah. Walau bagaimana pun, di bawah garis panduan BNM, HLISB telah menamatkan penggunaan PER berkuatkuasa serta merta, PER telah digantikan dengan satu mekanisme baru seperti berikut:
    (a) Sekiranya keuntungan sebenar melebihi daripada keuntungan yang dijangkakan maka pelanggan hendaklah melepaskan hak daripada menuntut perbezaan amaun keuntungan tersebut dan dikira sebagai fi insentif kepada HLISB sebagai *mudarib*.
    (b) Sebaliknya, jika keuntungan sebenar adalah kurang dari keuntungan yang dijangkakan maka HLISB boleh membayar *Hibah* kepada pelanggan.

13. Pelanggan adalah dengan ini memberikan arahan kepada HLISB untuk membaharui Wang Pokok Pelaburan Am-i beserta KeuntunganTerkumpul secara automatik ke atas Akaun Pelaburan Am-i yang tersebut (melainkan HLISB menerima sebarang arahan bertulis secara spesifik berbeza daripada apa yang telah disebutkan) untuk tempoh masa yang sama (atau tempoh yang seumpamanya seperti yang mungkin ditentukan oleh HLISB mengikut budi bicara mutlak pada tarikh matang) dan kadar keuntungan yang akan ditentukan oleh HLISB pada tarikh matang.

14. Akaun Pelaburan Am-i HLISB bukanlah suatu produk pelaburan, oleh itu dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.